

NILAI KEMANUSIAAN DALAM NOVEL *SUNGAI MENGALIR LESU* (2023) KARYA A. SAMAD SAID MENERUSI PENDEKATAN BIDAYATUL-HIDAYAH

NURSYUADAH BINTI SAMSUDIN

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
2024



NILAI KEMANUSIAAN DALAM NOVEL SUNGAI MENGALIR LESU (2023) KARYA A. SAMAD SAID MENERUSI PENDEKATAN BIDAYATUL-HIDAYAH

**NURSYUADAH BINTI SAMSUDIN
(C20A1582)**

Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

FEBRUARI 2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

| | | |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| <input type="checkbox"/> | | Dari tarikh _____ sehingga _____ |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan bagi tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

NURSYUADAH

Tandatangan Pelajar

Nama Pelajar: Nursyuadah Binti Samsudin
 No. Kad Pengenalan: 000427-12-0758
 Tarikh: 13 Februari 2024

Sudirman

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia: Encik Sudirman Bin Kifflie
 Tarikh: 13 Februari 2024

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur terhadap nikmat serta kurnia dari-Nya. Ucapan terima kasih dan rasa syukur di atas nikmat kesihatan yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada saya sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Saya Nursyuadah binti Samsudin dengan rendah hati ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah saya Encik Sudirman bin Kiffli kerana memberikan tunjuk ajar, nasihat serta bimbingan sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Tanpa komitmen, bantuan, kepercayaan serta keikhlasan yang tinggi daripada beliau tidaklah saya dapat menyiapkan projek penyelidikan ini dengan baik. Tidak lupa juga ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pensyarah dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana memberikan kerjasama kepada saya dalam memberikan maklumat-maklumat penting sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan rasa syukur yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya kerana tanpa mereka tidaklah projek penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya. Mereka banyak memberikan bantuan kepada saya terutamanya dari segi kewangan, nasihat, kata-kata semangat dan bimbingan yang tidak pernah putus sepanjang saya menjalankan projek penyelidikan ini. Sokongan moral yang diberikan oleh kedua ibu bapa saya telah memberikan impak positif kepada diri saya sepanjang saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, ahli keluarga dan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang projek penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih terhadap tunjuk ajar dan kata-kata semangat yang diberikan. Semua ilmu yang diberikan akan saya gunakan untuk masa akan datang. Semoga Allah membalas segala jasa mereka semua pihak yang terlibat.

Sekian, Terima Kasih.

Nursyuadah binti Samsudin

13 Februari 2024

3 Syaaban 1445

ISI KANDUNGAN

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---------|
| PERAKUAN TESIS | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ISI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI RAJAH | vi |
| ABSTRAK | vii |
| ABSTRACT | viii |
| BAB 1: PENGENALAN | 1 |
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 8 |
| 1.4 Objektif Kajian | 9 |
| 1.5 Batasan Kajian | 10 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 12 |
| 1.7 Metodologi Kajian | 15 |
| 1.7.1 Kaedah Kajian | 15 |
| 1.7.2 Kerangka Teori | 16 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 18 |
| 1.9 Kesimpulan | 19 |
| BAB 2: SOROTAN KAJIAN LEPAS | 20 |
| 2.0 Pengenalan | 20 |
| 2.1 Kajian Berkaitan Aspek Kajian (Nilai Kemanusiaan) | 21 |
| 2.2 Kajian Berkaitan Teks Kajian (Novel) | 30 |
| 2.3 Kajian Berkaitan Pendekatan Bidayatul-Hidayah | 35 |
| 2.4 Kesimpulan | 44 |
| BAB 3: METODOLOGI KAJIAN | 44 |
| 3.0 Pengenalan | 44 |
| 3.1 Kaedah Kajian | 45 |
| 3.1.1 Kaedah Laman Sesawang | 45 |
| 3.1.2 Kaedah Kepustakaan | 46 |
| 3.1.3 Kaedah Analisis Tekstual | 50 |
| 3.2 Carta Alir Metodologi Kajian | 51 |
| 3.3 Pendekatan Bidayatul-Hidayah | 53 |
| 3.4 Kerangka Konseptual | 58 |

| | |
|---|-----|
| 3.5 Kesimpulan | 60 |
| BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN | 61 |
| 4.0 Pengenalan | 61 |
| 4.1 Bentuk-Bentuk Nilai Kemanusiaan Yang Terdapat Dalam Novel <i>Sungai Mengalir Lesu</i> (2023) Karya A. Samad Said | 62 |
| 4.1.1 Mengambil Berat | 62 |
| 4.1.2 Rasa Empati Dan Kasih Sayang | 65 |
| 4.1.3 Tidak Pilih Kasih Dalam Berkawan | 70 |
| 4.1.4 Rela Berkorban | 73 |
| 4.1.5 Berbuat Baik Kepada Semua Manusia | 75 |
| 4.1.6 Bertanggungjawab Terhadap Keselamatan Dan Keamanan Bersama | 78 |
| 4.1.7 Bekerjasama Dan Tolong-Menolong | 80 |
| 4.2 Kesan Pengaplikasian Nilai-Nilai Kemanusiaan Yang Terkandung Dalam Novel <i>Sungai Mengalir Lesu</i> (2023) Karya A. Samad Said Menerusi Pendekatan Bidayatul-Hidayah | 84 |
| 4.2.1 Membentuk Diri Menjadi Insan Yang Taat | 84 |
| 4.2.2 Membantu Membina Hubungan Yang Lebih Baik Antara Individu Dan Masyarakat | 91 |
| 4.2.3 Membantu Mengurangkan Konflik Yang Berlaku Dalam Kalangan Masyarakat | 95 |
| 4.2.4 Menjauhkan Diri Daripada Maksiat | 100 |
| 4.3 Kesimpulan | 106 |
| BAB 5: KESIMPULAN | 107 |
| 5.0 Pengenalan | 107 |
| 5.1 Kesimpulan Kajian | 107 |
| 5.2 Cadangan | 112 |
| 5.2.1 Mendedahkan Nilai Kemanusiaan Sebagai Medium Pendidikan | 112 |
| 5.2.2 Penulis Perlu Memanfaatkan Elemen Sastera Untuk Menyampaikan Nilai Kemanusiaan | 113 |
| 5.2.3 Menerapkan Dan Memperbanyak Kajian Dalam Aspek Nilai Kemanusiaan | 114 |
| 5.2.4 Memasukkan Konflik Dan Penyelesaian Konflik Dalam Setiap Karya | 115 |
| 5.2.5 Mengembangkan Watak Atau Karakter Dalam Setiap Karya Sastera Dengan Menyelitkan Nilai Kemanusiaan | 117 |
| 5.4 Kesimpulan | 119 |



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH

HALAMAN

| | |
|--|----|
| Rajah 1: Kerangka Teori | 16 |
| Rajah 2: Carta Alir Metodologi Kajian | 52 |
| Rajah 3: Kerangka Konseptual | 58 |

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Nilai Kemanusiaan Dalam Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) Karya A. Samad Said Menerusi Pendekatan Bidayatul-Hidayah

ABSTRAK

Nilai kemanusiaan merupakan nilai moral yang amat penting kerana memberikan pengaruh yang cukup besar terhadap perkembangan pemikiran dan tingkah laku seseorang. Nilai kemanusiaan yang semakin pudar dalam kalangan masyarakat kini semakin membimbangkan kerana tidak ramai yang mengetahui kepentingan nilai kemanusiaan yang sememangnya memberikan pengaruh secara langsung terhadap perilaku setiap manusia. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan berlandaskan kepada dua objektif utama iaitu mengenal pasti bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A. Samad Said dan menganalisis kesan pengaplikasian nilai-nilai kemanusiaan tersebut dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah laman sesawang, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tekstual. Rentetan itu, kajian ini juga dikukuhkan lagi dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah yang dipelopori oleh Imam Hujjatul Islam Al-Ghazali melalui buku *Pendekatan Bidayatul-Hidayah* (1994). Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, terdapat beberapa bentuk nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) yang berjaya dipaparkan oleh watak-watak dalam novel tersebut seperti mengambil berat, rasa empati dan kasih sayang, rela berkorban, memberikan bantuan kepada mereka yang tidak mampu dan beberapa bentuk nilai kemanusiaan lainnya. Kesan pengaplikasian nilai-nilai kemanusiaan ini juga berjaya dianalisis menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah seperti dapat membentuk diri menjadi insan yang taat, menjauhkan diri daripada maksiat dan banyak lagi. Jelas bahawa nilai kemanusiaan merupakan elemen penting yang perlu diterapkan dalam diri setiap insan bagi membentuk kelompok masyarakat yang harmoni.

Kata kunci: Novel, nilai kemanusiaan, pendekatan Bidayatul-Hidayah, tingkah laku

The Value of Humanity based on Sungai Mengalir Lesu Novel (2023) by A. Samad Said Using the Bidayatul-Hidayah Approach

ABSTRACT

Human values are very important because they have a considerable influence on the development of a person's thinking and behavior. Human values that are increasingly fading in society are now increasingly worrying because not many people know the importance of human values, which actually have a direct influence on a person's behavior. Therefore, this study is carried out based on two main objectives which is identifying the forms of human values contained in the novel Sungai Mengalir Lesu (2023) by A. Samad Said and analyzing the impact of the application of these human values using the Bidayatul-Hidayah approach. This study is carried out using a qualitative approach consisting of the internet method, library method and textual analysis. This series of studies was also inaugurated using the Bidayatul-Hidayah approach pioneered by Imam Hujjatul Islam Al-Ghazali through the book Bidayatul-Hidayah Approach (1994). Based on the results of this study, there are several forms of human values contained in the novel Sungai Mengalir Lesu (2023), which are successfully presented by the characters in the novel, such as caring, a sense of empathy and compassion, being willing to sacrifice, providing assistance to those who are unable, and several other forms of human values. The impression of the application of these human values was also successfully analyzed using the Bidayatul-Hidayah approach, such as being able to be a good person, staying away from sin, and many more. It is clear that the value of humanity is an important element that needs to be applied within a person to form a harmonious community.

Keyword: Novel, human value, Bidayatul-Hidayah approach, behaviour

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pada bab ini, pengkaji akan merungkai tentang beberapa perkara bagi memberikan gambaran awal berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Pengkaji akan menyentuh secara umum dan terperinci tentang aspek-aspek yang akan dikaji yang terdiri daripada latar belakang, objektif kajian, persoalan kajian, permasalahan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian dan kesimpulan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sastera merupakan satu bidang seni yang disampaikan melalui bahasa. Ismail Husein (1998) menyatakan bahawa sastera merangkumi semua aspek yang menggunakan bahasa yang bersifat kreatif. Sastera bukan sahaja mempunyai bahasa yang indah dan tersusun tetapi juga menggunakan diksi yang mampu memberi kesan penghayatan kepada para pembaca. Kesusasteraan pula ditakrifkan sebagai semua pengucapan yang indah-indah yang disampaikan oleh pengarangnya kepada orang ramai secara bertulis dan juga lisan. Karya-karya hasil daripada bidang sastera ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan. Karya sastera digunakan untuk menyampaikan idea, buah fikiran, kritikan, teguran dan juga nilai-nilai baik dalam kehidupan bermasyarakat.

Nilai secara umumnya dertiakan sebagai semua perkara-perkara yang baik dan positif seperti berkasih sayang, baik hati, keseronokkan dan sebagainya. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) nilai merupakan satu tanggapan terhadap sesuatu perkara yang diinginkan dan menjadi penanda aras nilai murni sesebuah masyarakat yang tentunya bersandarkan kepada agama dalam mendorong pembentukan kehidupan setiap insan agar menjadi lebih baik, berakhhlak mulia dan memiliki nilai murni yang tinggi dalam usaha melahirkan sebuah kehidupan bermasyarakat yang unggul. Hal ini demikian kerana, nilai merupakan batu asas kepada pembentukan sifat-sifat mulia, peradaban dan bertamadun yang harus dimiliki oleh setiap insan. Kenyataan ini disokong oleh Nik Azis Nik Pa (1990) yang menyatakan bahawa nilai sering dikaitkan dengan budi pekerti yang luhur dan akhlak yang mulia. Oleh hal yang

demikian, nilai tidak dapat dipisahkan daripada sifat dan kelakuan yang ada dalam diri manusia.

A.Haris Hermawan (2009) menyatakan bahawa manusia merupakan makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT dan merupakan bahagian atau unit terkecil dalam kehidupan sosial yang membentuk kehidupan bermasyarakat. Walaupun manusia mempunyai badan dan fizikal yang sama namun sifat dan psikologi manusia adalah berbeza-beza. Perbezaan tersebut sering didefinisikan sebagai keperibadian. Keperibadian seseorang manusia pula dipengaruhi oleh faktor didikan dan persekitarannya. Oleh hal yang demikian, setiap manusia sepatutnya mendapatkan pendidikan yang baik dan memilih persekitaran yang mampu meningkatkan kualiti diri mereka (Sidik & Firman, 2016). Seseorang individu yang berjaya meningkatkan kualiti dirinya sudah pasti mempunyai sifat yang baik dan nilai kemanusiaan yang tinggi.

Nilai kemanusiaan merangkumi nilai akhlak dan nilai moral yang memberi maksud perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama hasil daripada sesuatu yang diajar, dilihat atau didengari (Rezki Perdani Sawai, 2009). Nilai kemanusiaan didefinisikan sebagai sebuah sistem fikiran dan tingkah laku yang memberi perhatian terhadap nilai murni dan kepentingan kepada kesejahteraan seluruh umat manusia. Perasaan ihsan atau belas kasihan merupakan teras kepada makna kemanusiaan itu sendiri yang mana perbuatan mengasihi sesama manusia, persekitaran dan haiwan walaupun keadaan diri sendiri susah dan sengsara. Hal ini selaras dengan kenyataan Hashim Awang (1984) yang membincangkan tentang nilai kemanusiaan dalam kesusasteraan seharusnya membicarakan isi tentang nilai kemanusiaan yang terarah kepada prinsip-prinsip kemanusiaan. Oleh hal yang

demikian, dapat disimpulkan bahawa nilai kemanusiaan amat penting kerana mampu membentuk karakter yang baik dalam diri setiap insan.

Seterusnya, menyentuh perihal teks kajian yang dipilih iaitu novel yang berjudul *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said. Kroeber (1971) menyatakan bahawa novel mengandungi paparan yang menggambarkan realiti kehidupan manusia yang dapat menentukan arah, menghayati kehidupan sebagai manusia dan tujuan mereka dalam kehidupan adalah untuk berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai kemanusiaan dalam diri masyarakat kini semakin terkikis dan kian dilupakan. Perkara ini merupakan satu perkara penting yang perlu diangkat bagi memupuk sifat kemanusiaan dalam diri setiap anggota masyarakat. Rentetan daripada itu, jalan cerita yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) menggambarkan tentang kehidupan sebenar masyarakat dan nilai kemanusiaan yang dibawa oleh setiap watak bagi membuktikan bahawa nilai kemanusiaan itu wujud tetapi tidak diperlakukan dalam kehidupan. Sebagai contoh, nilai kemanusiaan seperti kasih sayang, prihatin, bertolak ansur dan banyak lagi. Hal ini kerana, nilai kemanusiaan dapat melahirkan sebuah kehidupan yang positif dan masyarakat yang sejahtera.

Justeru itu, penggunaan pendekatan Bidayatul-Hidayah yang digagaskan oleh Imam Hujjatul Islam Al-Ghazali r.a (1994) melalui buku *Bidayatul-Hidayah (Permulaan Jalan Hidayah)* terbitan Khazanah Banjariah Mahaad Tarbiyah Islamiah Derang, pokok Sena, Kedah. Pemilihan pendekatan ini adalah sebagai sokongan kepada dapatan kajian kerana aspek kajian adalah berkait rapat dengan pendekatan ini yang mana nilai kemanusiaan merupakan nilai baik yang penting dalam usaha untuk memperolehi kehidupan

yang lebih baik. Kenyataan ini disokong oleh Abu Hamid Al Ghazali (1995) yang menyatakan bahawa Bidayatul-Hidayah merupakan salah satu karya Imam Al-Ghazali yang menekankan tentang etika pendidikan yang terdiri daripada tiga bahagian yang membincangkan tentang adab dan etika dalam kehidupan.

Pendekatan Bidayatul-Hidayah ini diaplikasikan bagi mengenal pasti dan menganalisis bentuk-bentuk nilai kemanusiaan serta kesan nilai kemanusiaan berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian. Ketiga-tiga prinsip dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah seperti adab-adab melaksanakan ketaatan, cara-cara menjauhi maksiat dan adab-adab pergaulan dan persahabatan dengan Khaliq (Tuhan) dan juga mahkluk akan digunakan oleh pengkaji bagi memantapkan hasil akhir kajian ini. Selain daripada itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah laman sesawang, kaedah kepustakaan yang merangkumi pemerolehan data, pengumpulan dan pemprosesan data serta analisis data dan kaedah terakhir adalah analisis tekstual. Akhir sekali, kajian ini diharapkan mampu membuka mata masyarakat serta membantu setiap insan untuk membina kehidupan yang lebih baik dan sejahtera.

1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian atau lebih dikenali sebagai *Problem Statement* adalah satu deskripsi penulisan yang mempersempahkan atau mengetengahkan masalah kajian dalam bentuk huraian (*writing up*) (Creswell, 2005:61).

Pada masa kini, terdapat ramai generasi muda terutamanya remaja Islam di Malaysia terlibat dalam aktiviti yang boleh meruntuhkan nilai akhlak seperti pergaulan bebas dan perlakuan zina yang mana perkara ini adalah amat membimbangkan. Hal ini berlaku disebabkan pelbagai faktor seperti kurangnya kesedaran dalam diri, pengaruh rakan sebaya, masalah keluarga dan banyak lagi. Perkara ini tidak boleh dipandang sebelah mata apabila kebanyakan kes berkaitan keruntuhan nilai moral ini melibatkan remaja yang beragama Islam. Kenyataan ini disokong oleh hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa terdapat peningkatan kelahiran anak tidak sah taraf atau anak zina yang direkodkan hasil daripada perzinaan atau seks bebas yang kebanyakannya dari kalangan remaja Muslim di Malaysia (Wan Ismail et.al, 2021). Oleh sebab itulah justifikasi kajian ini dijalankan bagi memperlihatkan bahawa nilai kemanusiaan sememangnya mampu memberikan impak yang besar dalam menangani masalah keruntuhan akhlak remaja.

Seterusnya, kajian ini juga bertitik tolak daripada kepentingan nilai kemanusiaan yang seharusnya wujud dalam diri setiap anggota masyarakat. Nilai kemanusiaan semakin pudar dalam kehidupan masyarakat kini disebabkan oleh cabaran-cabaran pada era kontemporari yang telah membawa masyarakat berdepan dengan masalah keruntuhan nilai kemanusiaan (Mohd

Kamal, 2012). Kajian ini dijalankan untuk mengungkap bentuk-bentuk nilai kemanusiaan dan kesan keruntuhan nilai kemanusiaan ini bagi membuat pendedahan kepada masyarakat bahawa nilai kemanusiaan sememangnya amat penting dalam melahirkan generasi yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Apabila dikaji dengan lebih mendalam, kajian ini juga dijalankan untuk memperbanyak lagi kajian berkaitan dengan pentingnya nilai kemanusiaan dalam memberikan pengaruh dan impak yang besar dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai kemanusiaan dibuktikan mampu memberikan impak yang positif dan memastikan anak-anak dan ahli keluarga berada di atas landasan yang benar. Kajian ini juga memperlihatkan lagi bahawa nilai kemanusiaan itu wujud dalam pelbagai bentuk dan dikukuhkan lagi dengan penggunaan pendekatan yang dianggap sesuai sebagai sokongan kepada hujah yang akan dinyatakan. Sehubungan daripada itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengisi kelompong berdasarkan kajian-kajian lepas. Hal ini demikian kerana, masih kurang kajian lepas yang mengkaji nilai kemanusiaan berdasarkan teks novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah. Sebagai justifikasi, pengkaji memilih novel ini kerana pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa nilai kemanusiaan atau nilai positif yang terdapat dalam novel tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini secara teliti, seperti :

1.3.1 Apakah bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said?

1.3.2 Apakah kesan nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said menerusi pendekatan Bidayatul-Hidayah?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk memenuhi objektif kajian seperti berikut :

1.4.1 Mengenal pasti bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said.

1.4.2 Menganalisis kesan pengaplikasian nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said menerusi pendekatan Bidayatul-Hidayah.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada satu novel sahaja iaitu *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said. Novel ini telah dihasilkan pada tahun 1984, namun kajian ini menggunakan novel *Sungai Mengalir Lesu* yang telah diterbitkan pada tahun 2023 oleh helmysamad Publications. Tujuan pemilihan novel ini adalah untuk menyempurnakan kedua-dua objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti bentuk-bentuk nilai kemanusiaan dan menganalisis nilai kemanusiaan tersebut menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah (1994). Kajian ini juga hanya berfokuskan kepada nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) sahaja seperti sikap prihatian, berkasih sayang sesama manusia, tolong-menolong dan banyak lagi. Isu dan gambaran yang dihasilkan dalam kajian ini adalah sesuai kepada semua anggota masyarakat kerana nilai kemanusiaan sangat penting untuk mendapatkan kehidupan yang sejahtera dan harmoni.

Selain itu, kajian ini dimantapkan lagi dengan pengaplikasian pendekatan Bidayatul-Hidayah yang telah dipelopori oleh Imam Al-Ghazali (1994). Imam Al-Ghazali melalui pendekatan ini telah menggariskan kepada kepada 3 prinsip utama. Prinsip yang pertama adalah adab melaksanakan ketaatan, prinsip kedua adalah cara menjauhi maksiat dan prinsip ketiga adalah adab pergaulan bersama sahabat dan Khaliq (Tuhan) serta makhluk lain. Pemilihan pendekatan ini adalah kerana prinsip-prinsip yang terdapat dalam pendekatan ini diyakini dapat membimbing manusia kearah kebaikan dan menjadi seseorang individu yang mempunyai akhlak yang mulia. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan ketiga-tiga prinsip tersebut sebagai sokongan kepada analisis dan dapatan kajian.

Seterusnya, bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji hanya menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah laman sesawang, kaedah kepustakaan dan analisis tekstual serta mengaplikasikan pendekatan Bidayatul-Hidayah yang digagaskan oleh Imam Al-Ghazali (1994). Kaedah ini akan digunakan sepenuhnya itu mengenal pasti dan menganalisis bentuk serta kesan nilai kemanusiaan yang menjadi objektif kajian ini. Selain itu, pengkaji juga membuat pengumpulan data berdasarkan beberapa bahan dan sumber rujukan melalui pembacaan yang kritikal terhadap teks yang dipilih serta rujukan-rujukan ilmiah yang diperolehi melalui perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).



1.6 Kepentingan Kajian

Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) merupakan salah satu karya agung yang dihasilkan oleh sasterawan negara A.Samad Said. Banyak kajian lepas yang menggunakan novel ini sebagai bahan kajian. Namun demikian, masih kurang kajian yang dijalankan oleh pengkaji lepas yang mengangkat isu atau aspek kemanusiaan yang terdapat dalam novel ini. Seperti yang diketahui, nilai kemanusiaan amat penting dan perlu dipupuk dalam diri setiap insan dan juga perlu diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu*. Bukan itu sahaja, kajian ini dimantapkan lagi dengan pengaplikasian pendekatan Bidayatul-Hidayah yang mana pendekatan ini masih kurang digunakan oleh pengkaji sebelumnya untuk membuat analisis kajian berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu*. Kajian ini mempunyai beberapa aspek kepentingan yang membuktikan bahawa kajian ini adalah penting dan perlu dilaksanakan.

Kajian ini penting untuk setiap individu. Hal ini kerana, melalui kajian ini pengkaji atau penulis dapat mengasah bakat mereka dalam mencapai kelainan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji sebelumnya. Perkara ini sangat penting untuk membuktikan bahawa setiap individu sememangnya mampu untuk menonjolkan bakat mereka dalam bidang penulisan agar setiap individu itu mampu untuk terus maju ke hadapan. Seterusnya, kajian ini juga dijalankan sebagai titik tolak dalam memberi kesan dan nilai pengajaran kepada setiap individu untuk mengetahui kepentingan nilai kemanusiaan dan belajar untuk mengaplikasikan teori atau pendekatan dalam setiap kajian yang dilakukan.

Seterusnya, kajian ini amat penting dalam aspek pendidikan. Hal ini kerana, kajian berkaitan dengan nilai kemanusiaan mampu mendidik diri setiap individu untuk mengekalkan nilai-nilai kemanusiaan yang ada dalam diri agar mendapatkan kecemerlangan dalam bidang pendidikan dan akademik. Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada para pengkaji akan datang yang ingin membuat kajian berkaitan dengan isu atau aspek nilai kemanusiaan. Bukan itu sahaja, dengan pengaplikasian pendekatan Bidayatul-Hidayah, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci setiap prinsip yang terdapat dalam pendekatan itu dengan lebih mendalam. Oleh itu, dengan pengaplikasian pendekatan ini dan isu yang disampaikan, nilai kemanusiaan dalam diri dapat dipupuk dan pengetahuan juga semakin bertambah.

Kajian ini juga penting kepada masyarakat. Masyarakat dapat mengetahui tentang bentuk-bentuk nilai kemanusiaan dan mengaplikasikan nilai kemanusiaan tersebut dalam kehidupan seharian. Masyarakat juga dapat memupuk nilai kemanusiaan yang ada dalam diri mereka sekaligus mengubah mentaliti mereka bahawa nilai-nilai kemanusiaan sememangnya mampu melahirkan masyarakat yang sejahtera. Bukan itu sahaja, dengan gambaran dan jalan cerita yang terdapat dalam novel yang dipilih, masyarakat dapat mengambil ikhtibar dan pengajaran. Pendekatan Bidayatul-Hidayah juga dapat dijadikan sebagai satu pendekatan yang boleh digunakan oleh masyarakat untuk mendapatkan kebahagian hidup di dunia dan di akhirat. Hal ini kerana, pendedahan berkaitan prinsip pendekatan secara terperinci mampu membuka hati masyarakat untuk terus berusaha melakukan perkara-perkara yang baik.

Di samping itu, kajian ini juga penting terhadap kesusasteraan kerana dapat mengasah bakat penulisan dan pengetahuan pengkaji dalam mencapai

kelainan terhadap kajian yang dijalankan. Hasil penulisan pengkaji ini mampu memberi kepentingan kepada pengkaji akan datang dan juga para pembaca. Melalui aspek yang dikaji oleh pengkaji iaitu nilai kemanusiaan, dapat membuktikan lagi bahawa nilai kemanusiaan yang kian pudar juga dapat diangkat melalui karya-karya sastera dan kajian-kajian yang dilakukan. Kajian ini juga penting sebagai titik tolak dalam memberi kesan kepada pengkaji dan pembaca untuk mengetahui tentang kepentingan nilai kemanusiaan dan pengaplikasian pendekatan atau teori dalam setiap kajian. Dengan nilai-nilai kemanusiaan yang dipaparkan oleh setiap watak dapat dilihat pengkarya atau penulis karya sastera di negara Malaysia juga mempunyai bakat apabila mampu menulis melalui pengalaman dan pengamatan seterusnya dimasukkan ke dalam karya sastera.

Melalui kepentingan kajian yang dinyatakan ini jelaslah bahawa hasil kajian dapat menjawab kedua-dua persoalan kajian dan objektif kajian. Oleh hal yang demikian, kepentingan kajian ini menerangkan tentang betapa pentingnya kajian yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan ini. Akhir sekali, diharapkan kajian mampu memberi sumbangan yang berguna kepada kajian ilmiah pada masa akan datang.

1.7 Metodologi Kajian

1.7.1 Kaedah Kajian

Metodologi kajian merangkumi kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk mengumpul data, menganalisis maklumat dan membuat kesimpulan dalam penyelidikan atau kajian yang dijalankan. Metodologi kajian merangkumi pelbagai kaedah seperti pemilihan sampel, analisis data dan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kajian yang dijalankan adalah telus dan berkualiti. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif sebagai metodologi kajian. Pendekatan kualitatif yang digunakan merangkumi kaedah laman sesawang, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tekstual.

Kaedah laman sesawang merupakan atau '*web scraping*' adalah proses mengaut data dari laman sesawang secara automatik dengan menggunakan skrip atau perisian khusus. Kaedah ini memerlukan pemahaman yang mendalam tentang teknikal dan etika dalam pengautan data secara automatik. Kaedah kepustakaan pula merupakan pendekatan dalam penyelidikan yang melibatkan kajian sedia ada atau literatur yang berkaitan dengan topik yang dikaji. Kaedah ini penting untuk membina konseptual, menyokong hipotesis dan menambah nilai kepada penyelidikan. Kaedah analisis tekstual bertujuan untuk memahami dan menganalisis teks secara mendalam. Ia melibatkan pemeriksaan teliti terhadap kandungan teks untuk mengenal pasti corak, tema dan maklumat yang penting.

1.7.2 Kerangka Teori

Pendekatan Bidayatul-Hidayah oleh Imam Al-Ghazali



Rajah 1: Kerangka Pendekatan Bidayatul-Hidayah oleh Imam Al-Ghazali

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

1.8 Organisasi Kajian

Bab 1, pengkaji menerangkan berkaitan dengan pengenalan. Bahagian pengenalan ini, pengkaji memberikan definisi berkaitan dengan nilai, nilai kemanusiaan, novel dan juga pendekatan Bidayatul-Hidayah yang digunakan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian. Nilai kemanusiaan merupakan salah satu nilai penting dalam kehidupan bermasyarakat kerana mampu memberikan pengaruh terhadap perilaku dan tingkah laku seseorang. Bukan itu sahaja, di dalam bab 1 ini juga pengkaji memasukkan elemen-elemen lain yang merangkumi permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian, organisasi kajian dan kesimpulan keseluruhan berdasarkan bab 1.

Bab 2, pengkaji menghuraikan berkaitan dengan sorotan kajian lepas. Sorotan kajian lepas merupakan kajian-kajian lepas yang dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas dan kajian tersebut dijadikan sebagai salah satu rujukan kepada pengkaji sepanjang menjalankan kajian ini. Sorotan kajian lepas sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Sorotan kajian lepas ini merangkumi tiga aspek penting seperti kajian lepas berkaitan aspek kajian (nilai kemanusiaan), kajian lepas berkaitan teks kajian (novel) dan kajian lepas berkaitan dengan pendekatan Bidayatul-Hidayah.

Bab 3, pengkaji menerangkan tentang metodologi kajian. Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji sepanjang melaksanakan kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini adalah pendekatan kualitatif yang terdiri daripada kaedah laman sesawang, kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tekstual.

Metodologi kajian ini amat penting untuk mendapatkan maklumat-maklumat dan data-data berkaitan dengan analisis kajian.

Bab 4, pada bahagian ini pengkaji membuat analisis bagi menghuraikan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Dapatan dan analisi kajian ini dijalankan adalah untuk menjawab objektif kajian yang terdiri daripada mengenal pasti bentuk-bentuk nilai kemanusiaan dan menganalisis kesan pengaplikasian nilai kemanusiaan menerusi pendekatan Bidayatul-Hidayah berdasarkan novel atau teks yang telah ditetapkan. Analisis kajian ini juga dikukuhkan atau disokong dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah. Pendekatan Bidayataul Hidayah yang dipelopori oleh Imam Al-Ghazali ini merupakan salah satu penduan yang dapat digunakan oleh umat manusia untuk menuju jalan yang benar. Oleh itu, data-data yang telah dikumpulkan akan dihuraikan dan petikan berdasarkan teks juga akan dimasukkan ke dalam kajian.

Bab 5 pula merupakan bab terakhir dalam kajian ini. Berdasarkan bab 5 ini, pengkaji akan membuat kesimpulan secara keseluruhan berkaitan dengan kajian yang telah dilaksanakan. Pada bab ini juga, pengkaji ada memasukkan beberapa cadangan yang diyakini mampu untuk memupuk nilai-nilai kemanusiaan di dalam diri setiap anggota masyarakat. Pengkaji juga ada memberikan harapan pengkaji berkaitan dengan aspek kajian kepada generasi akan datang.

1.9 Kesimpulan

Kesimpulannya, bahagian ini menerangkan tentang gambaran awal bentuk-bentuk nilai kemanusiaan dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said. Pada bab ini, pengkaji hanya membincangkan tentang pengenalan, latar belakang, penyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, batasan kajian, metodologi kajian dan kepentingan kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menetapkan dua objektif kajian sebagai garis panduan supaya kajian inni dapat dijalankan dengan lancar dan teratur. Selain itu, teks terpilih iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said perlulah diberikan perhatian kerana novel ini penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Akhir sekali, bab ini amatlah penting bagi memberi gambaran awal berkaitan kajian yang akan dijalankan.

UNIVERSITI
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Kajian ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas terpilih yang dilakukan oleh para pengkaji terdahulu yang berkait rapat dengan kajian yang akan dilakukan. Kajian-kajian lepas yang dipilih oleh pengkaji merangkumi kajian dari dalam dan luar negara. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan membahagikan kajian literatur ini kepada tiga bahagian antaranya adalah kajian lepas yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan, kajian lepas berkaitan novel dan kajian lepas berkaitan pendekatan Bidayatul-Hidayah serta Pendekatan Bidayatul-Hidayah juga dikupas secara terperinci. Kajian literatur ini dipilih disebabkan berkait rapat dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Dengan ini, pengkaji berharap hasil penyelidikan ini dapat dijadikan sumber rujukan dan panduan pada generasi kini dan akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.1 Kajian Lepas Berkaitan Aspek Kajian (Nilai Kemanusiaan)

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) kajian yang bertajuk *Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Teori Takmilah*. Kajian ini berpaksikan dua objektif, iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam cerita lisan. Seterusnya, nilai-nilai kemanusiaan akan diaplikasikan dengan teori Takmilah. Pengaplikasian teori Takmilah dilakukan dalam kajian ini bagi memantapkan hujah analisis kajian. Kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pembaca untuk lebih menghargai cerita lisan. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks bagi memastikan data yang diperolehi adalah tepat dan sistematik. Kajian ini akan memberi pencerahan mengenai nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, rendah diri, murah hati, sedia memaafkan dan hormat menghormati. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis teks-teks terpilih. Hasil kajian ini membuktikan cerita lisan sarat dengan nilai-nilai kemanusiaan yang mampu mendidik khalayak ke arah lebih baik dan bertamadun.

Kajian oleh Hazwani Siran et al. (2018) yang bertajuk *Penerapan Indikator Cinta Kemanusiaan Melalui Kursus Pengajaran Ketamadunan*. Kajian ini dijalankan apabila cinta kemanusiaan dalam diri manusia semakin hari semakin terhakis. Peningkatan kadar peperangan, pertumpahan darah dan kes jenayah di seluruh dunia seperti peperangan Palestin dan Syria yang mengorbankan ribuan nyawa yang tidak berdosa menjelaskan penularan fenomena ini. Disebabkan itu, indikator cinta kemanusiaan dilihat sebagai salah satu alternatif solusi

untuk membendung fenomena ini daripada berterusan. Hasil kajian konseptual ini telah mengenal pasti beberapa indikator kemanusiaan seperti keinginan untuk membantu, sikap keprihatinan, kebaikkan dan sebagainya. Kajian ini mencadangkan agar indikator cinta kemanusiaan yang telah dikenal pasti dapat diterapkan melalui Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia.

Saedah Siraj et al. (2021) telah menjalankan kajian tentang *Aplikasi Interpretive Structural Modeling Untuk Pembinaan Model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak*. Kajian ini mengutarakan tentang kesan penting terhadap pengalaman pendidikan kanak-kanak terhadap diri seseorang, terutamanya nilai-nilai kemanusiaan sepatutnya di didik dalam diri seseorang sejak zaman kanak-kanak lagi. Selain itu, kajian ini juga berfokuskan kepada langkah untuk mendapatkan unsur-unsur utama nilai kemanusiaan di dalam kalangan kanak-kanak yang menyokong perkembangan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak.

Tuan Siti Nurul Suhadah et al. (2022) menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral*. Cerita rakyat merupakan satu bentuk penyampaian kisah yang banyak memiliki pengajaran dan nasihat sebagai tauladan kepada masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, cerita rakyat kini kurang diamalkan oleh masyarakat pada masa kini kerana wujudnya teknologi yang canggih dan mengikut keadaan semasa. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai

kemanusiaan dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan terhadap pembentukan jati diri kanak-kanak. Kajian ini membataskan untuk meneliti nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat Di Kota Bharu, Kelantan sahaja. Kajian ini juga menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral sebagai deduktif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai kemanusiaan dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan mampu membentuk jati diri kanak-kanak sebagai seseorang yang berwibawa dan bertanggungjawab selain mampu memartabatkan warisan bangsa hingga ke persada dunia.

Che Sulaila Che Harun et al. (2021) kajian yang bertajuk *Nilai Kemanusiaan Dan Cabaran Pengekalan Hubungan Etnik Menurut Perspektif Islam Dalam Revolusi Industri 4.0*. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran Revolusi Industri 4.0 dari sudut nilai kemanusiaan dan penerapan nilai kemanusiaan antara etnik menurut Islam dapat digunakan dalam mengekalkan keharmonian etnik yang terdapat di Malaysia. Nilai kemanusiaan memainkan peranan penting dalam membentuk karakter seseorang khususnya pada era masa kini yang semakin mencabar. Ia dapat diperolehi melalui kefahaman terhadap agama yang merupakan cabang utama dalam pembentukan nilai kemanusiaan seseorang. Hubungan antara agama, budaya dan etnik bukanlah sekadar satu proses semulajadi, malah ia memerlukan suatu kefahaman terhadap agama yang mampu memupuk masyarakat agar menanamkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri bagi menghadapi cabaran kehidupan moden masa kini. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif, iaitu data kajian diperolehi melalui kajian kepustakaan

dan data dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan masyarakat mampu membentuk nilai kemanusiaan yang tinggi melalui amalan hubungan etnik menurut Islam. Ia sekaligus dapat menyumbang kepada pembentukan karakter masyarakat yang mempunyai jati diri yang tinggi di Malaysia.

Othman et al. (2022) menjalankan kajian tentang *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dilakukan bagi membuktikan bahawa novel *Srengenge* sememangnya kaya dengan nilai kemanusiaan yang dapat memberikan sumber teladan dan ilmu pengetahuan yang berguna kepada orang ramai. Kajian ini membataskan kepada satu novel sahaja iaitu *Srengenge* karya Shanon Ahmad. Walaupun novel ini kurang mendapat perhatian terutamanya daripada golongan remaja kerana tidak dinafikan bahawa remaja kini lebih gemar membaca novel-novel yang berunsurkan cinta. Kajian ini dikukuhkan lagi dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Analisis kajian memperlihatkan lagi bahawa novel *Srengenge* karya Shanon Ahmad ini jelas membuktikan bahawa novel tersebut mengandungi nilai-nilai kemanusiaan yang mampu memberikan penghayatan dan kefahaman kepada semua golongan masyarakat.

Moh Syamsul Ma' arif (2020) dalam kajiannya *Analisis Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Debu Yerussalem* karya Quovultdeus Bagaskoro. Kajian ini djalankan adalah untuk memberikan manfaat kepada para agar lebih semangat untuk membaca, khususnya kepada karya fiksi dalam novel seterusnya dapat memahami isi dan makna yang

terkandung dalam novel *Debu Yesussalem*. Seterusnya, kajian ini berfokuskan kepada penelitian mengenai nilai kemanusiaan seperti nilai keadilan, nilai penderitaan dan nilai kasih sayang. Metodologi kajian yang digunakan dalam pendekatan kualitatif iaitu kaedah menganalisis teks sebagai sumber data utama. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa novel *Debu Yerussalem* sememangnya mengandungi nilai-nilai kemanusiaan yang sangat bermanfaat bagi para pembaca khususnya.

Ni Putu Mega Arsani et al. (2020) melalui kajiannya *Analisis Unsur Intrinsik Dan Nilai Kemanusiaan Novel Teman Tapi Menikah Melalui Pendekatan Strukturalisme*. Kajian ini dijalankan adalah untuk menerangkan unsur intrinsik dan nilai kemanusiaan yang terdapat novel *Teman Tapi Menikah* karya Ayudia Bing Slamet dan Dito Purcussion. Hasil dapatan kajian ini dikukuhkan lagi dengan pengaplikasian Strukturalisme. Hal ini dikatakan demikian kerana, teori Struktural dapat diadaptasi dalam kehidupan manusia dan dianggap sebagai salah satu teori moden yang mampu memberikan kefahaman yang jelas kepada manusia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah menganalisis teks dan kepustakaan sebagai metodologi kajian. Hasil dapatan mendapat bahawa terdapat unsur intrinsik dalam novel tersebut seperti tema, latar, gaya bahasa dan lain-lain. Manakala nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel pula adalah seperti mengakui persamaan darjah, saling mencintai sesama manusia, menjunjung tinggi nilai kemanusiaan dan banyak lagi.

Nurul Hidayanti et al. (2021) kajian yang bertajuk *Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Sawitri Karya Masdhar Zainal*. Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada beberapa objektif yang menjadi teras kepada kajian ini seperti menganalisis kewujudan nilai kemanusiaan harga diri, rendah hati, ketaatan, kerajinan dan nilai kemanusiaan kebaikan yang terdapat dalam novel *Sawitri* karya Masdhar Zainal. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks dan kepustakaan. Berdasarkan hasil analisis yang dijalankan nilai kemanusiaan dalam novel *Sawitri* menegaskan bahawa setiap insan perlulah menjaga harga diri sendiri, tidak boleh bersifat sompong dan sentiasa taat agar keperibadian yang baik dapat dibentuk.

Arik Suseno (2019) kajian bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Terhadap Keperibadian Pendidik Dalam Novel Merasa Pintar Bodoh Saja Tidak Punya*. Kajian ini dijalankan apabila terjadi kepincangan moral, kerosakan hubungan antara manusia dan perebutan hak asasi yang terjadi ditengah-tengah masyarakat. Ditegaskan juga dalam kajian ini bahawa, masalah ini berlaku disebabkan oleh keperibadian pendidik yang tidak menghayati nilai-nilai kemanusiaan. Kajian ini menjadikan novel *Merasa Pintar Bodoh Saja Tidak Punya: Kisah Sufi Dari Madura* sebagai sumber rujukan utama bagi mengkaji kerelevan nilai kemanusiaan dalam diri seseorang pendidik dapat menjadi jalan penyelesaian bagi menangani masalah yang telah berlaku. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu menggunakan kaedah dokumentasi, menganalisis teks dan kepustakaan. Kesimpulannya,

kajian ini menunjukkan bahawa terdapat nilai-nilai kemanusiaan secara umum yang terdiri daripada pemahaman, alasan intelektual, kebersihan hati dan banyak lagi. Dapat dinyatakan bahawa, seseorang pendidik memainkan peranan yang besar dalam pembentukan akhlak dan peribadi yang menjurus kepada nilai kemanusiaan.

Eizah Mat Hussain et al. (2021) kajian yang bertajuk *Analisis Nilai Murni Dalam Manuskrip Hikayat Saerah Dengan Suami*. Nilai-nilai murni merupakan satu aspek penting yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Nilai-nilai murni adalah satu perlakuan, perangai atau tindakan yang baik sama ada dalam menjalankan hubungan dengan manusia, alam dan Tuhan. Makalah ini bertujuan meneliti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan sebagai seorang isteri. Bahan kajian ini menggunakan manuskrip MSS3070 yang berjudul *Hikayat Saerah Dengan Suami* yang diperoleh dari Perpustakaan Negara Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif sepenuhnya dengan menggunakan kajian kepustakaan. Kaedah pertama yang dilakukan dengan mentransliterasikan teks manuskrip tulisan jawi ke rumi dan kemudian data akan dianalisis dengan penekanan kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks. Analisis kajian menggunakan pendekatan Moral dalam teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang. Kajian ini mendapati teks ini menyentuh nilai-nilai murni seorang isteri dari aspek nilai positif. Nilai-nilai murni positif seperti kasih sayang, ketaatan, amanah dalam menjaga harta suami, mendapat keizinan suami sebelum keluar rumah dan adab berbicara.

Sahrul Umami (2018) melalui kajian yang bertajuk *Pembelajaran Apresiasi Sastera Dan Nilai-Nilai Kemanusiaan (Kajian Novel Bidadari Bermata Bening Karya Habiburrahman El Shirazy)*. Kajian bertujuan untuk memperolehi pemahaman yang mendalam berkaitan dengan pembelajaran apresiasi sastera dan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Bidadari Bermata Bening* Karya Habiburrahman El Shirazy. Metodologi kajian yang digunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menganalisis teks dengan cara mendeskripsikan nilai-nilai kemanusiaan dilihat dari unsur intrinsik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak nilai kemanusiaan dalam novel tersebut seperti hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia, diri sendiri dan alam sekitar. Kesimpulannya, pembelajaran apresiasi sastera dan nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Bidadari Bermata Bening* dapat diaplikasikan oleh para pelajar dan menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dalam semua aspek.

Kajian oleh Veno a/l Supaya et al. (2020) yang bertajuk *Nilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Tamarai Ilaikal karya Pavaai Mengikut Perspektif Teori Tirukkural*. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Pavaai. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kajian lapangan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif berlandaskan nilai kemanusiaan teori Tirukkural. Huraian deskriptif berdasarkan data-data yang diperolehi daripada analisis kandungan. Hasil kajian ini

menunjukkan nilai kemanusiaan yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai berdasarkan perspektif teori Tirukkural, analisis nilai kemanusiaan dalam konteks cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai berdasarkan perspektif teori Tirukkural, dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai berdasarkan perspektif teori Tirukkural. Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah membuktikan kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai mengandungi nilai kemanusiaan yang berdasarkan perspektif teori Tirukkural.

Dina Purnama Sari (2018) kajian yang bertajuk *Memaknai Nilai-Nilai Kemanusiaan Tokoh Utama Dalam Novel Hijrah Bang Tato* karya Fahd Pahdepie. Kajian tentang nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam diri watak utama dalam novel. Selain itu, kajian ini menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan nilai kemanusiaan yang ada dalam diri watak utama seperti berfikiran positif, sentiasa berusaha, percaya kepada takdir atau ketentuan Tuhan dan banyak lagi. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah mengumpulkan data daripada teks-teks terpilih. Melalui kajian ini, orang ramai dapat mengetahui tentang makna nilai kemanusiaan yang ada dalam diri tokoh utama sekaligus dapat dijadikan renungan serta cerminan sebenar realiti kehidupan masyarakat.

2.2 Kajian Lepas Berkaitan Teks Kajian (Novel)

Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) melalui kajian yang bertajuk *Karisma Wanita dalam Novel Nenek Karya Razali Endu*. Kajian ini dijalankan berlandaskan kepada objektif yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti dan menganalisis karisma wanita yang terkandung dalam novel *Nenek* karya Razali Endun terbitan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) 2014. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kepustakaan dan analisis tekstual. Selain itu, kajian ini juga dijalankan menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud bagi memantapkan lagi hasil kajian. Hasil analisis kajian mendapati bahawa terdapat beberapa karisma yang diterapkan dalam novel *Nenek* antaranya adalah karisma sebagai pemimpin, kerisma sebagai pencinta kebudayaan Melayu, karisma sebagai wanita intelektual dan karisma wanita bertanggungjawab.

Siti Farida Salleh et.al (2020) telah menjalankan *kajian yang bertajuk Analisis Sematik Leksikal Dalam Novel Sangkar* karya Samsiah Mohd Nor. Kajian ini dijalankan untuk meneroka makna di sebalik novel yang bertajuk *Sangkar* hasil karya Samsiah Mohd Nor. Novel ini diterbitkan pada tahun 2010 melalui Alaf 21 Sdh. Bhd. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu analisis teks untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan leksikal dalam novel *Sangkar*. Selain itu, kajian ini juga dianalisis menggunakan pendekatan semantik leksikal. Kajian ini mendapati bahawa, pengkaji berjaya mengelaskan jenis leksikal kepada sinonim, antonym, hiponim, polism dan banyak lagi. Secara keseluruhnya, dapat dirumuskan bahawa

melalui pendekatan leksikal ini, pelbagai golongan leksikal yang berbeza dapat dikelaskan dalam golongan makna yang sama.

Abdul Halim Ali & Ida Roziana Abdullah (2018) melalui kajian yang bertajuk *Perwatakan Wanita Melayu Muslim Dalam Novel ‘Diari Seorang Jururawat’ Karya Aminah Mokhtar*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri perwatakan wanita Melayu Islam dalam novel *Diari Seorang Jururawat* karya Aminah Mokhtar dengan menggunakan Konsep Feminisme Talbiah. Ginokritik yang dipopularkan oleh Showalter (1978) merupakan satu pendekatan kritik yang sangat popular, terutamanya dalam konteks untuk melihat dunia wanita dari perseptif wanita itu sendiri sebagai penulis dan pembaca. Dapatan kajian mendapati bahawa perwatakan watak utama dalam novel, iaitu Munirah merupakan seorang wanita Melayu Muslim dari sudut personaliti, ketakwaan, budaya dan kerohanian yang sejajar dengan konsep talbiah yang berlandaskan ketauhidannya kepada Allah SWT.

Norazilah Buhari et al. (2020) melalui kajian yang bertajuk *Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa dalam Novel ‘Kasyaf Ain’*. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis ragam bahasa Melayu dalam novel *Kasyaf Ain*. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu menjalankan analisis tekstual dengan membuat analisis kandungan melalui novel *Kasyaf Ain* dan membuat sorotan kajian-kajian lepas tentang ragam bahasa. Ragam bahasa ini dianalisis melalui setiap bab dalam novel tersebut bagi memperlihatkan secara jelas tentang penggunaannya. Dapatan kajian ini mendapati bahawa novel *Kasyaf Ain* menggunakan ragam bahasa yang

menarik dan mudah difahami seperti ragam bahasa sindiran, ragam bahasa mengiat, ragam bahasa mengejek dan ragam bahasa melampau. Penggunaan pelbagai ragam bahasa ini telah berjaya mengangkat novel Kasyaf Ain sebagai sebuah karya yang kreatif.

Jurnal yang dijalankan oleh Cahyo Hasanudin (2018) yang bertajuk *Kajian Sintaksis Pada Novel Sang Pencuri Warna Karya Yersiti*. Kajian ini dijalankan adalah untuk menhuraikan bentuk frasa, klausa dan kata-kata yang terdapat dalam novel *Sang Pencuri Warna* karya Yersita. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan aktiviti pengumpulan data menggunakan teknik dokumentasi dengan menerapkan strategi membaca, semak dan membuat catatan. Manakala analisis data menggunakan analisis *Miles* dan *Huberman*. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat banyak bentuk-bentuk frasa berdasarkan hubungan antara unsur perbezaan kata, klausa positif dan negatif dan juga terdapat kata-kata yang dilafazkan berdasarkan ucapan, struktur ayat, fungsi dan isi, unsur, susunan kata dan cara penyusunan ayat.

Kajian oleh Idawati Sintiawatin et.al (2018) kajian yang *bertajuk Kajian Intertekstual Novel Dilan Karya Pidi Baiq*. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui hubungan intertekstual antara novel *Dilan Dia Adalah Dilanku 1990*, *Dilan dia adalah Dilanku 1991* dan *Milea Suara Dari Dilan* karya Pidi Baiq. Ketiga-tiga novel ini mempunyai hubungan intertekstual yang terdiri daripada tema, latar, jalan cerita, watak dan perwatakan, gaya bahasa, huraihan idea dan amanat. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu membuat menelitian berdasarkan

kesemua novel yang telah dinyatakan. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat persamaan di dalam ketiga-tiga novel iaitu sama dari aspek intertekstual dan tema. Oleh hal yang demikian, kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Muhammad Yusuf et al. (2022) kajian yang bertajuk *Simbolisme Budaya Jawa Dalam Novel Darmagandhul*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis nilai etnik Jawa dalam novel *Darmagandhul* karya Ki Kalamwadi. Penelitian kajian ini berlatar belakangkan oleh simbol yang terdapat dalam budaya Jawa yang terdapat dalam novel yang dipilih. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif deskriptif yang melibatkan proses pengumpulan data. Hasil penelitian ini mendapati bahawa nilai etnik Jawa yang terdapat dalam novel *Darmagandhul* karya Ki Kalamwadi mempunyai nilai seperti nilai keagamaan dalam kalimat budi Jawa kerana memperlihatkan sikap yang taat dalam menjalankan arahan agama.

Reza Rozali et.al (2018) melalui kajian yang bertajuk *Fenomena Perilaku Psikopat Dalam Novel Katarsis karya Anastasia Aemilia: Kajian Psikologi Sastera*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis fenomena perilaku psikopat yang terdapat dalam novel *Katarsis* karya Anastasia Aemilia dengan mengaplikasikan pendekatan Psikologi Sastera khususnya menggunakan teori Gangguan Keperibadian Psikopat oleh Sigmund Freud. Kajian ini dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk perilaku psikopat yang terdapat dalam watak tokoh

utama seperti antisosial, suka memanipulasi, bersikap agresif dan lain-lain. Namun demikian, kesemua perilaku ini dipengaruhi oleh beberapa faktor utama.

Intan Purnamasari & Ratu Wardarita (2020) melalui kajian yang bertajuk *Kajian Ginokritik Dalam Novel Athirah* karya Albertiene Endah. Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tentang watak seorang pengarang perempuan yang berusaha untuk menzahirkan penulisan dan budaya perempuan pada karyanya yang terdapat dalam novel *Athirah* karya Albertiene Endah. Metodologi kajian yang digunakan sepanjang menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui proses pengumpulan data menggunakan teknik dokumentasi. Hasil analisis akhir kajian mendapati bahawa penulisan dan budaya perempuan yang terdapat dalam novel tersebut meliputi nilai-nilai, hubungan-hubungan dan komunikasi.

Zaidi Ahmad et al. (2020) melalui kajian yang bertajuk *Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Imam*. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peranan novel *Imam* karya Abdullah Husain sebagai medium untuk mendidik dan membentuk modal insan. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Selain itu, novel *Imam* dianalisis menggunakan prinsip kedua Teori Takmilah iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil dengan memberikan fokus kepada kejadian-kejadian yang berlaku dalam novel *Imam* yang mampu untuk membentuk modal insan dan sepatutnya dijadikan ikutan dan tauladan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat nilai-nilai murni yang

telah dimasukkan oleh penulis ke dalam novel *Imam*. Oleh hal yang demikian, novel ini perlulah mendapat pengiktirafan dan diangkat menjadi teks kesusteraan di sekolah dan institusi.

2.3 Kajian Lepas Berkaitan Pendekatan Bidayatul-Hidayah

Siti Nur Anis et al. (2020) kajian yang bertajuk *Pertentangan Nilai Akhlak Islam Dalam Novel Tivi Menurut Imam Ghazali*. Kajian ini dijalankan adalah untuk merungkai keruntuhan akhlak dalam sebuah keluarga di sebuah kampung yang diketengahkan dalam novel *Tivi* hasil karya salah seorang sasterawan negara iaitu Shanon Ahmad. Pelbagai perbuatan yang menggambarkan keruntuhan akhlak dan tidak bermoral yang dibawah oleh setiap watak seperti pergaulan bebas, sumbang mahram dan keruntuhan institusi kekeluargaan. Kajian ini juga menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah (2017) sebagai garis panduan berkaitan krisis keruntuhan akhlak yang dibawah oleh watak adalah salah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah kualitatif yang melibatkan pembacaan rapi dan melakukan pembacaan bahan-bahan rujukan ilmiah lain sebagai data sokongan. Hasil kajian ini didapati bahawa dalam novel *Tivi* keruntuhan akhlak yang cuba disampaikan adalah sangat bertentangan dengan ajaran Islam dan perkara ini perlulah diubah agar menjadi seorang manusia yang berakhlak mulia serta mendapat redha Allah SWT.

Baharudin A Rajak (2021) kajian yang bertajuk *Adab Kepada Alam Semester dalam Novel Nggusu Waru yang Tersisa* karya

N.Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al-Ghazali. Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis adab kepada alam semester dalam novel *Ngussu Waru yang Tersisa* karya N.Marewo berdasarkan pendidikan adab menurut imam Al-Ghazali. Pendidikan adab merupakan hal asas dalam pembentukan karakter yang baik, hal ini dapat dilihat melalui tindakan dan perilaku seseorang dalam kehidupan. Metodologi kajian ini adalah pendekatan kualitatif iaitu menggunakan teknik pengumpulan data dengan menganalisis teks terpilih sebagai sumber rujukan utama. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat nilai adab kepada alam semester dalam novel *Ngusu Waru yang Tersisa* seperti tidak merosakkan tumbuhan, mengambil dan menikmati hasil alam, menjaga tumbuhan dan haiwan, merawat dan menanam tumbuhan untuk kehidupan dan membahagi hasil alam. Kesimpulannya, kajian ini merupakan satu karya sastera yang mampu dijadikan bahan pembelajaran di sekolah terutamanya pendidikan adab dalam pembentukan karakter yang baik.

Ahmad Ahsin Darojat (2018) menerusi kajian yang bertajuk *Pembelajaran Nilai Pendidikan dalam Kitab Bidayatul-Hidayah Karya Imam Al-Ghazali.* Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis bentuk nilai pendidikan yang terdapat dalam kitab Bidayatul-Hidayah kepada para pelajar. Hal ini demikian kerana, pembentukan nilai menjadi teras utama dalam pembentukan sifat manusia. Manusia yang memiliki kecerdasan intelektual yang tinggi tidak akan bermanfaat sekiranya tidak memiliki kecerdasan secara efektif dari segi emosi dan sosial. Metodologi kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kajian

lapangan yang mana pengkaji melakukan temu bual secara terus kepada responden. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak nilai pendidikan yang diterapkan dalam kitab Bidayatul-Hidayah seperti adab terhadap guru, adab seorang murid, adab seorang anak kepada ibubapa dan banyak lagi. Oleh itu, jelas bahawa nilai pendidikan yang dibawah dalam kitab Bidayatul-hidayah memainkan peranan yang cukup penting dalam melahirkan pelajar yang berakhhlak mulia.

Mahdi Kavin Abdah (2021) menerusi kajiannya yang bertajuk *Peranan Guru Dalam Mengimplementasikan Multikultural Pada Pembelajaran Al-Quran Dan Hadis (Kajian Kes Pelajar Madrasah Aliyah Bidayatul Hidayah)*. Kajian ini dijalankan berpandukan kepada dua matlamat utama iaitu mengkaji ayat-ayat multikultural dalam buku pelajaran Al-Quran dan Hadis dan matlamat kedua adalah mengkaji peranan guru dalam mengimplementasikan ayat-ayat multikultural tersebut. Kajian ini hanya tertumpu kepada Madrasah Bidayatul-Hidayah Mojogeneng Mojokerto sahaja. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu kajian kes atau kajian lapangan. Prosedur pengumpulan data yang digunakan adalah seperti pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa ayat multikultur yang digunakan dan matlamat kedua iaitu mengkaji peranan guru juga dapat dicapai.

Kajian oleh Fatimahtuz Zahroh (2019) yang bertajuk *Pengaruh Pengajian Kitab Bidayatul-Hidayah Terhadap Perilaku Sosial Santri Putri Pondok Pesantren At-Thayyibiyah Dusun Kampek, Desa Alas Kembang, Burneh Madura*. Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada tiga objektif

iaitu pertama mengkaji pelaksanaan pembelajaran kitab Bidayatul-Hidayah di pondok Pesantren At-Thayyibiyah, kedua mengkaji perilaku sosial pelajar perempuan di pondok pesantren tersebut dan mengkaji pengaruh pengajian kitab Bidayatul-Hidayah terhadap perilaku sosial pelajar perempuan di Pondok Pesantren Al-Thayyibiyah. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif iaitu membuat pemerhatian dan membuat temu bual secara langsung kepada responden iaitu pelajar perempuan di pondok Pesantren tersebut. Dapatkan kajian mendapati bahawa pembelajaran kitab Bidayatul-Hidayah dijalankan dengan baik dan pembelajaran kitab tersebut telah memberi pengaruh kepada pelajar perempuan. Oleh hal yang demikian, pembelajaran kitab Bidayatul-Hidayah ini perlulah diteruskan agar impak positif dapat diperolehi.

Regilita et al. (2022) telah mengkaji tentang *Nilai-Nilai Akhlak Berdasarkan Perspektif Imam Al-Ghazali Dalam Kitab Bidayatul-Hidayah*. Pendekatan Bidayatul-Hidayah digunakan di dalam kajian ini kerana pendekatan ini mampu untuk mengupas tentang kemerosotan akhlak manusia. Pendidikan yang terbaik adalah proses pendidikan yang mengembangkan fitrah manusia terutamanya fitrah akal dan agama serta fitrah fikiran terutamanya akhlak. Pada umumnya, pendidikan akhlak yang diterapkan oleh Imam A-Ghazali telah diketahui oleh ramai orang akan tetapi tidak ramai yang bijak untuk menerapkannya ke dalam kehidupan seharian. Analisis utama yang ditemui di dalam kajian ini adalah ketaatan seseorang manusia kepada Allah SWT dan pemupukan akhlak yang baik di dalam kehidupan seharian.

Nurul Hidayah (2020) menjalankan kajian tentang *Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Kitab Bidayatul-Hidayah*. Kajian ini dijalankan disebabkan penanaman berkaitan dengan nilai-nilai pendidikan islam semakin dilupakan oleh masyarakat Islam itu sendiri. Kitab atau pendekatan Bidayatul-Hidayah karya Imam Al-Ghazali adalah salah satu kitab yang mengandungi panduan kepada setiap Muslim dalam menjalani kehidupan sehari-hari bagi mewujudkan seorang Muslim yang menjaga baik hubungannya dengan Allah SWT dan juga makluk lain. Perkara yang difokuskan di dalam kajian ini adalah analisis nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam kitab Bidayatul-Hidayah, pengadaptasian kerelevanannya nilai-nilai Islam yang terdapat di dalam kitab Bidayatul-Hidayah untuk kegunaan dalam kehidupan sehari-hari dan penjelasan berkaitan nilai-nilai Islam dalam kitab Bidayatul-Hidayah karya Imam Al-Ghazali dengan kehidupan pada masa kini. Kajian ini juga diyakini dapat memupuk nilai-nilai Islam di dalam diri seseorang dan menggunakannya di dalam kehidupan sehari-hari.

Ardiyansyah Permana (2019) telah menjalankan kajian berkaitan dengan *Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali*. Kajian memfokuskan kepada konsep pendidikan akhlak berdasarkan pendekatan Bidayatul-Hidayah. Penelitian ini memberikan jalan penyelesaian untuk menyelesaikan permasalahan pendidikan akhlak baik di kawasan sekolah seperti gangguan seksual, kekerasan dan juga di dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan hasil penelitian yang dijalankan konsep pendidikan akhlak di dalam aspek ketaatan kepada Allah diawali dengan niat baik dalam mencari ilmu, memulakan

kehidupan sehari-hari dengan mengingati Allah, sentiasa ingat kepada Allah dalam setiap perbuatan, menjalankan rukun iman dan Islam serta menjauhkan diri daripada semua larangan Allah SWT. Konsep seterusnya adalah konsep pendidikan akhlak dalam aspek menjaga pergaulan dengan Allah dan sesama makhluk seperti bersikap sopan dan santun terhadap orang tua, hormat kepada pendidik dan sahabat serta menjaga pergaulan dengan orang yang baru dikenali. Kajian ini dapat mendidik diri seseorang menjadi insan yang lebih baik selari dengan prinsip yang terdapat di dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah.

Nafiudin Muhammad (2021) telah menjalankan kajian tentang *Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Kitab Bidayatul-Hidayah*. Kajian ini merungkai tentang pembentukan karakter yang terdapat dalam kitab Bidayatul-Hidayah. Pendidikan karakter didefinisikan sebagai pendidikan nilai, pendidikan budi, pendidikan moral dan pendidikan watak yang bertujuan mengembangkan kemampuan seseorang untuk membezakan baik dan buruk sesuatu perkara, memelihara kebaikan, mewujudkan dan menyebarkan kebaikan di dalam kehidupan sehari-hari. Kitab atau pendekatan Bidayatul-Hidayah mengetengahkan tentang pola kehidupan yang sesuai dengan ajaran Islam melalui pendekatan tasawwuf dan juga akhlak. Seseorang yang mengamalkan kesemua prinsip yang terdapat di dalam pendekatan ini dapat membentuk akhlak baik dalam diri serta menjadi seorang hamba Allah yang taat dan patuh.

Kajian Nur Hakim (2018) menggunakan pendekataan *Bidayatul-Hidayah untuk Melihat Perspektif Berkaitan Kecerdasan Intelektual, Emosional, dan Spiritual*. Kajian mengupas tentang agama Islam yang

memperlihatkan tiga kecerdasan manusia. Kajian ini juga berpandukan kepada pendekatan Bidayatul-Hidayah yang menekankan bahawa manusia mengakui adanya Tuhan dengan segala kebesaran-Nya dan menerapkannya di dalam kehidupan seharian. Penelitian yang dibuat berdasarkan kajian ini berkonsepkan psikologi keagamaan yang menggunakan konsep Islam. Ia berbeza dengan konsep psikologi Barat yang hanya menitikberatkan intelektual dan emosional. Konsep kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual dalam kitab Bidayatul-Hidayah mengutamakan perubahan seseorang menuju kepada sebuah masyarakat yang berakhhlak baik dan mempunyai kecerdasan pemikiran di tahap yang tinggi.

Muhamad et.al (2018) menerusi kajian yang bertajuk *Pengaruh pemikiran Imam Al-Ghazali terhadap Pemikiran Umar Ibnu Ahmad Baraja Tentang Materi Pendidikan Akhlak Anak*. Kajian ini mengupas tentang kepentingan mempunyai akhlak yang baik dan setiap anak perlulah dibentuk dengan pemikiran yang menjurus kepada pembentukan akhlak yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, akhlak menduduki kedudukan yang paling utama dan penting dalam kehidupan manusia. Baik buruk seseorang atau masyarakat ditentukan oleh baik atau buruk akhlak yang dimilikinya. Kajian ini juga mnerangkan tentang terdapat banyak kes-kes keruntuhan akhlak anak-anak seperti terlibat dengan geng motor, kes yang melibatkan dada dan banyak lagi. Pembentukan akhlak yang baik telah menjadi perhatian para ilmuan Islam. Perhatian ulama seperti Imam Al-Ghazali dan juga ulama asli Indonesia Umar Ibnu Ahmad Baraja terhadap pendidikan akhlak anak

dapat dilihat pada kitab Bidayatul Hidayah yang dikarang oleh Imam Al-Ghazali. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis data dari kitab-kitab dan bahan rujukan seperti kitab Bidayatul-hidayah karangan Imam Ghazali. Oleh hal yang demikian, kitab Bidayatul-Hidayah dan pemikiran yang diutarakan oleh Imam Ghazali melalui kitab Bidayatul-Hidayah sememangnya mampu dijadikan rujukan kepada pembentukan akhlak yang baik.



2.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian-kajian lepas yang dijadikan rujukan oleh pengkaji didapati dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Bukan itu sahaja, hasil kajian lepas yang yang dirujuk oleh pengkaji bukan sahaja berbentuk buku ilmiah tetapi juga pengkaji merujuk ke media-media lain seperti filem, majalah dan lain-lain. Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa, masih kurang pengkaji lepas yang mengkaji berkaitan dengan nilai kemanusiaan secara terperinci. Hal ini telah menjadi menjadi teras utama kepada pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang berkualiti dan mampu dijadikan bahan rujukan ilmiah kepada generasi seterusnya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan kaedah atau pendekatan yang digunakan bagi menyempurnakan sesebuah kajian yang dijalankan. Metodologi kajian dilakukan dengan pelbagai kaedah dalam usaha untuk memperolehi pelbagai maklumat dan data untuk melengkapkan kajian yang dijalankan. Tujuan metodologi kajian ini dijalankan adalah untuk membantu pengkaji mengetahui dan memahami dengan lebih jelas dan tepat tentang pengaplikasian kaedah dan membuat huraian dalam bahagian analisis dan dapatan kajian. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif bagi mendapatkan data berbentuk deskriptif. Data deskriptif mampu menerangkan sesuatu kajian atau fenomena dengan lebih mendalam melalui pemerhatian dan penelitian dokumen (Rosinah, 2021).

Kaedah kualitatif yang dijalankan juga adalah kaedah berbentuk sorotan pembacaan. Semua analisis dan dapatan kajian diperolehi melalui teks atau novel yang dipilih iaitu Novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A. Samad Said (2023). Setiap teks-teks yang terdapat di dalam novel terpilih akan dikaji dan dianalisis untuk mencari bukti bahawa wujudnya nilai kemanusiaan yang mampu untuk memberikan pengaruh yang besar kepada pembentukan moral dan akhlak seseorang. Manakala pendekatan Bidayatul-Hidayah merupakan pendekatan yang dipilih oleh pengkaji sebagai sokongan kepada semua dapatan kajian yang diperolehi. Berdasarkan kajian ini, pengkaji menggunakan tiga kaedah kajian yang terdiri daripada laman sesawang, kaedah kepustakaan

dan juga analisis tekstual bagi mendapatkan data-data penting untuk memantapkan lagi hasil kajian.

3.1 Kaedah Kajian

3.1.1 Kaedah Laman Sesawang

Laman sesawang merupakan satu aplikasi yang menarik dan sangat penting pada masa kini terutamanya kepada para penyelidik. Laman sesawang adalah laman ‘HTML’ pada *World Wide web* yang mengandungi hiperteks dengan dokumen lain pada *World Wide Web*. Kaedah laman sesawang digunakan untuk mencari dan mengakses pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji menggunakan laman sesawang untuk mencari maklumat seperti definisi, konsep dan sebagainya yang berkaitan dengan aspek kajian, pendekatan yang digunakan serta data-data sokongan lainnya.

Bukan itu sahaja, kaedah laman sesawang ini juga sering digunakan oleh para pengkaji kerana semua maklumat dan data-data yang terdapat dalam laman sesawang adalah lebih luas, mudah difahami dan mengenai skop kajian. Pengaksesan yang dilakukan menggunakan laman sesawang ini membolehkan pengkaji memperolehi dan mendapatkan analisis berkaitan bentuk-bentuk nilai kemanusiaan dan juga pendekatan yang digunakan dengan lebih mudah dan senang. Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah melayari banyak laman sesawang untuk membuat pengumpulan data.

3.1.2 Kaedah Kepustakaan

Menurut Mohd Shafie (1991) kaedah kepustakaan merupakan satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data dan bukti melalui kajian yang dilakukan ke atas teks-teks, dokumen dan juga rekod-rekod sedia ada. Kajian kepustakaan amat penting untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Hasil daripada kaedah kepustakaan ini, pengkaji dapat mencari bahan atau data tentang aspek kajian pengkaji. Kaedah kepustakaan yang dilakukan ini melalui proses mengumpulkan data mengenai kajian untuk memperolehi maklumat berkaitan aspek kajian.

a) Pemerolehan Data

Bahan rujukan utama yang digunakan dalam kajian ini adalah teks-teks yang terdapat di dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A. Samad Said (2023). Kesemua objektif kajian dapat dicapai dengan menggunakan kesemua maklumat yang terdapat di dalam novel tersebut. Bagi mendapatkan maklumat lain berkaitan dengan kajian pula adalah kaedah kepustakaan (*library research*) digunakan bagi mendapatkan lagi data berkaitan dengan kajian, mencari bahan-bahan rujukan serta maklumat yang berkaitan dengan pendekatan yang diaplikasikan. Hal ini dilakukan bagi mengukuhkan lagi fakta yang dikeluarkan demi memantapkan lagi hasil akhir kajian. Banyak sumber rujukan ilmiah yang digunakan dan diperolehi daripada buku-buku rujukan serta jurnal yang terdapat di perpustakaan Universiti Awam

Tempatan, laman sesawang, majalah, sumber dari Dewan Bahasa dan Pusaka dan lain-lain.

b) Pengumpulan Dan Pemprosesan Data

Semua data yang diperolehi daripada pelbagai sumber akan dikumpulkan bagi menghuraikan dan merungkai kesemua persoalan kajian yang telah dinyatakan. Pengumpulan data merupakan teknik yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis objektif kajian. Bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan, pengkaji perlulah mengetahui cara terbaik dan tepat untuk mengumpulkan data.

Seterusnya, data-data yang digunakan dalam kajian ini diambil berdasarkan teks novel yang telah dipilih. Sebagai contoh data dipetik melalui ayat, kata-kata, dialog yang dilontarkan oleh watak, tindakan dan tingkah laku watak dan sebagainya. Kesemua data yang diambil sememangnya berkaitan dengan nilai kemanusiaan seperti yang tertera dalam objektif kajian. Petikan yang diambil akan disertakan dengan bilangan muka surat dan petikan tersebut juga akan dihuraikan dengan lebih terperincian agar mudah difahami. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mengumpul dan memproses data melalui tiga kaedah iaitu bacaan (memoing), penerangan data dan analisis data.

i. Bacaan (Memoing)

Bacaan dimaksudkan dengan membaca kesemua data yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti yang dinyatakan. Sebagai contoh membaca novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) yang dijadikan bahan rujukan utama kajian dan membaca buku-buku rujukan ilmiah yang lainnya. Pembacaan yang dilakukan dengan teliti akan membantu untuk mendapatkan setiap maklumat.

ii. Penerangan Data

Apabila selesai membuat pembacaan, proses seterusnya adalah penerangan. Bila bacaan dilakukan dengan tekun dan teliti, maka pengkaji dapat membuat penerangan dengan betul berkaitan dengan nilai kemanusiaan yang menjadi aspek utama dalam kajian.

iii. Analisis Data

Analisis data merupakan kaedah yang paling penting dalam setiap kajian yang dilakukan. Menurut Ummi Adibah (2019) analisis data adalah kaedah memproses kesemua data yang diperolehi bagi menjawab kesemua persoalan dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam kajian ini, pengkaji hanya fokus kepada analisis data berkaitan dengan mengkaji dan menganalisis bentuk dan kesan nilai kemanusiaan dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah.


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.1.3 Kaedah Anlisis Tekstual

Analisis textual merupakan satu metodologi yang sering digunakan oleh para sarjana terutamanya dalam bidang kemanusiaan di mana teks dikaji berdasarkan pengkaryaan, kesahihan dan makna-makna teks (Joubish, Muhammad Farooq dan Asyraf Khurram, 2011). Kajian analisis textual adalah salah satu teknik yang sistematis yang memberikan penekanan kepada bahasa dan perkataan-perkataan yang terdapat dalam teks. Kaedah ini sesuai digunakan untuk membuat kajian berkaitan teks seperti novel, puisi dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis textual untuk memahami teks novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A.Samad Said. Bagi mengeluarkan kesemua data yang diperlukan bagi melengkapkan kajian ini, novel tersebut akan dianalisis dengan lebih mendalam agar dapat difahami dan dapat mengeluarkan kesemua bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam novel.

Kajian ini hanya menggunakan satu novel sahaja iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) dan buku *Bidayatul-Hidayah* (1994) sebagai teks rujukan. Kaedah ini adalah satu kaedah yang komprehensif dalam membuat penilaian terhadap sesebuah teks novel meliputi makna tersurat dan tersirat.

3.2 Carta Alir Metodologi Kajian



Rajah 2: Carta Alir Metodologi Kajian

Gambar rajah tersebut merupakan carta alir metodologi kajian yang digunakan dalam membuat dan menyelesaikan kajian ini. Carta alir di atas menunjukkan proses pertama sehingga akhir kajian ini. Sebelum mengeluarkan objektif kajian, pengkaji terlebih dahulu membuat tinjauan literatur bagi menentukan skop dan aspek kajian yang akan dijalankan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga memasukkan kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini serta teori yang diaplikasikan. Kemudian pengkaji membuat analisis untuk mendapatkan dapatan kajian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Akhir sekali, pengkaji membuat rumusan akhir bagi menyimpulkan hasil kajian secara keseluruhan.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

3.3 Pendekatan Bidayatul-Hidayah

Pendekatan Bidayatul-Hidayah merupakan pendekatan yang digagaskan oleh Imam Hujjatul Islam Al-Ghazali r.a. Nama sebenar beliau adalah Abu Hamid bin Muhammad bin Muhammad bin Ta'us Ath-Syafi'i Al-Ghazal. Beliau dilahirkan pada tahun 450/1058M di Ghazalah iaitu sebuah perkampungan di pinggiran Kota Thus, Kawasan kurasan, Iran. Pendekatan Bidayatul-Hidayah merupakan satu pendekatan yang dijadikan sebagai panduan hidup. Hal selari dengan maksud *Bidayah* sebagai permulaan manakala *Hidayah* adalah petunjuk. Imam Al-Ghazali telah menggariskan amalan-amalan harian yang perlu diamalkan pada setiap hari dan adab-adab dalam melaksanakan amal ibadah. Hal ini membolehkan amal ibadah dapat dilakukan dengan baik dan memberi impak positif dalam diri setiap anggota masyarakat. Selain itu, pendekatan ini juga menyentuh tentang adab-adab pergaularan dengan sahabat, Khaliq dan juga pergaularan sesama makhluk.

3.3.1 PRINSIP PENDEKATAN BIDAYATUL-HIDAYAH

I. Adab-adab Melaksanakan Ketaatan

Prinsip pertama iaitu adab-adab melaksanakan ketaatan sebagai seorang hamba ke Sang Pencipta iaitu Allah SWT. Prinsip ini membincangkan tentang adab-adab yang perlu dipatuhi dalam kehidupan seharian. Imam Ghazali r.a melalui prinsip ini menegaskan bahawa sesiapa yang mempunyai niat untuk menuntut ilmu dan menjadi seseorang yang taat, perlulah menguasai dan mengawal

semua anggota tubuhnya, nafsunya dan juga hatinya dari pagi sampailah ke petang. Hal ini kerana, setiap tingkah laku, pergerakkan, isi hati, percakapan dan ketika bersendirian atau bersama orang lain, Tuhan sentiasa mengawasi. Oleh hal yang demikian, adab-adab terhadap Allah SWT perlulah sentiasa dijaga seperti seorang hamba yang hina yang banyak membuat kesalahan di hadapan seorang raja yang gagah perkasa.

Prinsip pertama dimulai dengan adab ketika bangun tidur yang sering dipandang sebelah mata oleh masyarakat. Seterusnya, prinsip ini membincangkan tentang adab tayammum, adab tidur, adab solat, adab pada hari jumaat dan yang terakhir adalah adab puasa. Tidak dinafikan bahawa kesemua adab yang terdapat dalam prinsip pertama pendekatan Bidayatul-Hidayah ini sukar diamalkan dan sering dipandang ringan oleh kesemua golongan masyarakat. Namun demikian, kesemua adab dalam prinsip pertama ini amatlah penting untuk setiap mahkluk yang bergelar manusia.

II. Cara-Cara Menjauhi Maksiat

Prinsip kedua dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah membahas tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan maksiat dan cara-cara menghindarinya. Agama Islam terdiri daripada dua bahagian iaitu pertama meninggalkan maksiat dan kedua adalah mengerjakan taat. Meninggalkan maksiat adalah lebih berat dilakukan kerana mengerjakan taat adalah perkara yang mampu dilakukan oleh setiap orang manakala menjauhi maksiat hanya dapat dilakukan oleh para sidiqqin (orang-orang yang benar).

Prinsip ini membincangkan tentang cara-cara atau adab menjaga anggota badan daripada melakukan maksiat. Sebagai contoh, menjaga pandangan (mata) daripada melihat sesuatu yang tidak sepatutnya dipandang, menjaga pendengaran (telinga) agar tidak mendengar aib orang yang diceritakan oleh orang lain, menjaga lisan (mulut) agar tidak memperkatakan perkara-perkara yang buruk, menjaga perut agar tidak mendapat penyakit, menjaga kemaluan daripada melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh agama Islam, menjaga kedua-dua tangan agar tidak melukai orang lain dan terakhir adalah menjaga kaki agar dapat mengelakkan dari daripada berjalan dalam kemaksiatan.

III. Adab-Adab Pergaulan Dan Persahabatan Dengan Khaliq (Tuhan) Dan Dengan Makhluk

Prinsip terakhir yang terdapat dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah adalah adab-adab pergaulan dan persahabatan dengan Khaliq (Tuhan) dan dengan makhluk. Prinsip ini membahas tentang adab bercakap atau berkomunikasi kepada Allah SWT dan juga kepada makhluk lain seperti adab-adab seorang guru, adab-adab seorang murid, adab-adab terhadap ibu bapa dan adab kepada seluruh umat manusia sama dikenali ataupun tidak. Bahagian ini menegaskan bahawa seorang Muslim tidak harus menjaga hubungannya dengan Allah SWT sahaja tetapi juga dengan sesama manusia lainnya.


Secara keseluruhannya, pendekatan Bidayatul-Hidayah ini mempunyai banyak kelebihan dan faedah yang mampu membimbing setiap manusia yang mempelajarinya tanpa rasa ragu. Pendekatan ini sepatutnya lebih kerap digunakan dalam kajian yang akan dilakukan sebagai rujukan dalam melaksanakan aktiviti syariat dan memperluaskan lagi nilai-nilai positif dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui pendekatan ini, Imam Ghazali memberi bimbingan kepada umat manusia untuk menjadi seseorang manusia yang memiliki hati yang bersih dan sentiasa mentaati perintah Tuhan serta berbuat baik dengan makhluk lain. Rentetan daripada itu, kajian ini menggunakan ketiga-tiga prinsip tersebut iaitu adab melaksanakan ketaatan, prinsip cara-cara

menghindari maksiat dan prinsip adab pergaulan dan persahabatan dengan Khaliq (Tuhan) dan dengan makhluk. Kesemua prinsip ini digunakan untuk menganalisis pengaplikasian nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A.Samad.Said (2023). Hal ini demikian kerana, pendekatan ini bertepatan dengan pemilihan tajuk kajian dan diharapkan dapat membantu mengukuhkan hasil dapatan kajian.



3.4 Kerangka Konseptual

Nilai Kemanusiaan Dalam Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) Karya A. Samad Said Menerusi Pendekatan Bidayatul-Hidayah



Rajah 3: Kerangka Konseptual

Gambar Rajah di atas menunjukkan teori konseptual yang digunakan dalam kajian ini. Kerangka konseptual ini dibuat adalah untuk memaparkan secara ringkas kajian yang dijalankan yang terdiri daripada teks atau novel yang digunakan dan pengaplikasian pendekatan yang digunakan sebagai sokongan bagi memantapkan lagi hasil kajian. Berdasarkan gambar rajah tersebut, dapat dilihat bahawa kajian ini hanya menggunakan satu novel sahaja iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) hasil karya Sasterawan Negara keempat iaitu Datuk A.Samad Said.

Seterusnya, pendekatan yang digunakan pula adalah pendekatan Bidayatul-Hidayah yang terdiri daripada tiga prinsip iaitu adab-adab melaksanakan ketaatan, cara-cara menjauhi maksiat dan juga adab pergaulan dan persahabatan dengan Khaliq (Tuhan) dan juga makhluk lain. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini, pengkaji menggunakan kesemua prinsip tersebut. Rentetan daripada itu, pengkaji telah menggariskan dua objektif utama iaitu mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) dan menganalisis kesan nilai kemanusiaan dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah.

3.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan secara terperinci tentang metodologi kajian yang telah digunakan oleh pengkaji. Metodologi kajian yang telah dinyatakan diharapkan mampu untuk menjamin kebolehpercayaan dan kesahihkan data tentang kesemua maklumat yang telah dimasukkan ke dalam kaedah penyelidikan pengkaji. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya untuk mengkaji dan menganalisis nilai kemanusiaan yang telah menjadi aspek kajian pengkaji. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan yang merangkumi pemerolehan data dan pemerolehan dan pemprosesan data.

Bukan itu sahaja, kaedah laman sesawang dan analisis tekstual juga digunakan dalam menyempurnakan kajian. Kesemua metodologi atau kaedah yang digunakan ini sangat membantu pengkaji dalam menghasilkan sebuah kajian yang berkualiti tinggi. Hal ini demikian kerana, dipercayai bahawa kesemua kajian yang dilakukan akan menjadi lengkap dan mempunyai kesahihan data yang tepat sertauraian benar apabila metodologi kajian yang digunakan adalah sistematik dan bertetapan dengan kajian yang dijalankan.

Akhir sekali, bab ini juga menerangkan secara terperinci berkaitan dengan pendekatan Bidayatul-Hidayah yang digunakan bagi menyokong dan memperkuuhkan lagi hasil dapatan kajian. Seperti yang telah diuraikan pada bahagian analisis pendekatan ini mempunyai tiga prinsip utama yang terdiri daripada adab-adab melaksanakan ketaatan, adab-adab menjauhi maksiat serta adab-adab pergaulan dan persahabatan dengan Khaliq (Tuhan) dan juga makhluk.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN\

4.0 Pengenalan

Pada bahagian bab 4 ini akan membincangkan bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A.Samad Said. Novel ini dianalisis menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah yang telah digagaskan oleh Imam Hujjatul Islam Al-Ghazali. Bab ini akan membincangkan bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* dan menganalisis kesan pengaplikasian nilai kemanusiaan yang terkandung dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A. Samad Said (2023) menerusi pendekatan Bidayatul-Hidayah.

Bentuk-bentuk nilai kemanusiaan ini terbahagi kepada lapan bentuk yang terdiri daripada mengambil berat, rasa empati dan kasih sayang, tidak pilih kasih dalam berkawan, rela berkorban, memberikan sumbangan atau bantuan kepada mereka yang tidak mampu, berbuat baik kepada semua manusia, bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan bersama dan bekerjasama dan tolong-menolong. Justeru itu, dapatan kajian akan memastikan kajian ini dijalankan adalah bertepatan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Seterusnya, pada bahagian ini juga pengkaji membuat analisis berkaitan dengan kesan pengaplikasian nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam teks terpilih dengan menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah. Akhir sekali, pengkaji membuat kesimpulan berkaitan dengan keseluruhan hasil dapatan

kajian. Penelitian pada bahagian ini adalah bertepatan dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

4.1 Bentuk-Bentuk Nilai Kemanusiaan Yang Terdapat Dalam Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) Karya A. Samad Said.

4.1.1 Mengambil Berat

Mengambil berat adalah memberikan perhatian yang istimewa atau bersungguh-sungguh kepada seseorang ataupun sesuatu benda perkara. Mengambil berat adalah perkataan yang sinonim dengan perkataan peduli. Menurut Triatmini (2011) peduli bukanlah perasaan ingin mencampuri hak orang lain tetapi lebih kepada perasaan yang ingin membantu orang lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi mereka dengan tujuan kebaikan dan perdamaian. Selain itu, peduli merupakan satu situasi tentang rasa tertarik dalam diri setiap individu untuk membantu orang lain terutamanya individu yang terdekat seperti ahli keluarga, rakan, jiran dan sebagainya. Mengambil berat dan peduli terhadap orang lain juga dituntut dalam setiap agama. Sebagai contoh, dalam agama Islam, sifat mengambil berat terhadap orang lain amatlah digalakkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT di dalam al-Quran surah an-Nisa' ayat 36 yang bermaksud:

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu dalam apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum

kerabat dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sompong, takbur dan membanggabanggakan diri.”

(Surah An-Nissa, ayat 36, 2012:84)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa sifat mengambil berat terhadap orang lain amat dituntut khususnya bagi mereka yang menganut agama Islam demi menjaga kesejahteraan dalam kalangan masyarakat. Terdapat banyak tindakan yang dapat lakukan bagi menunjukkan sifat mengambil berat ini seperti sering bertanyakan tentang keadaan kesihatan dengan ahli keluarga dan jiran terdekat, mengambil tahu keadaan keselamatan masyarakat sekitar dan banyak lagi. Oleh hal yang demikian, berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* terdapat beberapa peristiwa yang memaparkan tentang sifat mengambil berat yang dibawa oleh setiap watak seperti petikan dibawah:

Dalam keadaan lesu yang seperti itulah Dalim keluar mencari Sukon. Dia telah dimarahi oleh Tuminah, kakaknya, supaya jangan ke sungai waktu hujan-hujan begitu. Tuminah hilang di dalam jamban, Dalim hilang dari biliknya. Dia tahu kalau dia tidak lekas-lekas menghilangkan dirinya suara Tuminah yang kecil tetapi nyaring itu akan memanggilnya. Kawan tidak akan dapat dicari, dan rezeki dalam sungai tidak akan didapatnya juga.

(A. Samad Said, 2023: 1)

Petikan di atas menunjukkan sifat mengambil berat yang ditunjukkan oleh seorang kakak yang bernama Tuminah yang melarang adiknya yang bernama Dalim untuk tidak keluar ke kawasan sungai

semasa cuaca hujan. Hal ini kerana, Tuminah risau sekiranya terjadi perkara yang tidak dingini kepada adiknya. Situasi ini memperlihatkan betapa sayang dan kasihnya seorang kakak terhadap keselamatan adiknya. Dalam nada yang lain, sifat yang ditunjukkan oleh Tuminah ini merupakan salah satu nilai-nilai kemanusiaan yang sepatutnya dipupuk dalam diri masyarakat kini. Selain itu, terdapat juga peristiwa yang menunjukkan sifat mengambil berat ini yang dibawah oleh watak yang lain yang terdapat dalam novel seperti:

Mak Buruk menyuruh Tompong membuka singletnya untuk dibasuh hari itu. Singlet tersebut sebenarnya sudah hampir dua minggu tidak dibasuh, kerana Tompong memang suka pakaian-pakaian yang sudah lama terlekat pada badannya. "Tidak payah basuh," terangnya, "baunya sedap". Mak Buruk meraba-raba siput sejempunya sebelum menasihatkan: "Baunya sedap, tapi nanti badan gatal-gatal dapat sakit. Siapa yang susah?" Tompong hentikan gelengan kepalanya seolah-olah cuba berfikir tentang melanjutkan gelengan kepalanya itu.

(A. Samad Said, 2023: 21)

Menerusi petikan di atas jelas menunjukkan sifat mengambil berat yang ditonjolkan oleh Mak Buruk terhadap Tompong. Hal ini dapat dibuktikan apabila Mak Buruk menyuruh Tompong menanggalkan bajunya untuk dibasuh. Hal ini kerana, menurut Mak Buruk, walaupun Tompong tidak mahu bajunya dibasuh kerana suka akan baunya, Mak Buruk tetap mahu membasuhnya dengan alasan supaya kotoran-kotoran yang terdapat pada baju tersebut tidak mendatangkan sakit dan mudarat kepada Tompong. Dari sudut kondifikasi yang berbeza, Mak

Buruk tidak mahu Tompong sakit kerana Mak Buruk berasa kasihan melihat kehidupan Tompong yang hidup sebatang kara dan yatim piatu itu. Kesimpulannya, sifat mengambil berat Mak Buruk ini dapat memberikan jaminan kesihatan dan keselamatan kepada Tompong agar dijauhkan daripada penyakit yang tidak diinginkan.

4.1.2 Rasa Empati Dan Kasih Sayang

Empati secara umumnya didefinisikan sebagai sebuah kemampuan untuk merasakan keadaan, situasi, perasaan dan fikiran seseorang. Daniel Goleman dalam bukunya yang bertajuk *Emotional Intelligence* (1997) menyatakan bahawa istilah empati pertama kali adalah berasal dari bahasa Yunani iaitu *empatheia* yang membawa maksud “ikut merasakan”. Perkataan empati ini sering disama ertikan dengan perkataan simpati, namun definisi dan maksud bagi kedua-dua perkataan ini adalah berbeza. Empati adalah satu perasaan di mana seseorang mencuba untuk memahami perasaan orang lain manakala perkataan simpati pula adalah perkataan yang membawa maksud seseorang yang bersifat prihatin dan kasihan terhadap situasi orang lain. Hal ini dikukuhkan lagi dengan definisi empati oleh Abu Ahmadi (1992) yang mentakrifkan bahawa empati adalah suatu kecenderungan untuk merasakan sesuatu yang dilakukan oleh orang lain kerana perasaan empati yang digunakan oleh seseorang itu akan menjadi efektif didalam situasi orang lain.

Sehubungan dengan itu, setiap individu perlulah mempunyai perasaan empati untuk memastikan kehidupan bermasyarakat sentiasa aman dan damai. Setiap insan yang dilahirkan ke dalam dunia ini pastinya mempunyai perasaan empati sebagai sebuah anugerah Tuhan yang amat berharga kepada setiap manusia agar dapat memastikan setiap individu akan lebih menghargai orang lain. Hal ini kerana, tidak dinafikan perasaan empati ini mampu memupuk sifat menghargai, memahami situasi orang lain, menerima keadaan orang lain dan memastikan hubungan setiap insan akan bertambah erat. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan ayat di dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A.Samad Said iaitu:

Sesudah lima enam kali menekap telinga dan menunduk dalam *shelter* itu, barulah Mak Buruk menjerit: "Hei, mana Tompong? Tak ada orang angkat Tompong?" Serta-merta itu juga Mak Buruk hendak keluar pergi mendukung Tompong masuk ke *shelter*. Sayeed Ayuub cepat menahannya. "Sekarang bom sudah jatuh, tak boleh keluar," katanya. "Awak muah mati?"

"Tompang ada atas!" teriak Mak Buruk, dengan bibirnya terketar-ketar.

"Ya, ya, Tompong ada atas, tapi kita tak boleh buat apa-apa sekarang," kata Ahmad Jani.

"Nanti dia mati kena bom. Dia bukannya boleh lari, dia bukannya Nampak, bukannya tahu!" Mak Buruk berkeras lagi.

Dia meraba-raba lehernya yang berketak itu sambil menahan air mata kerana ketakutan dan kasihan mengenangkan Tompong yang tidak tahu apa-apa terpaksa tinggal sendirian di tengah-tengah demberangan bom.

(A. Samad Said, 2023: 9)

Menerusi petikan di atas dapat dilihat bahawa Mak Buruk mempunyai perasaan empati yang tinggi terhadap Tompong. Tompong merupakan seorang kanak-kanak yatim piatu kerana kedua-dua ibu bapanya telah ditangkap oleh pihak Jepun dan tidak diketahui keadaan mereka sama ada hidup ataupun mati. Tompong hanyalah seorang kanak-kanak kurang upaya yang mana kedua-dua biji matanya telah buta dan telinganya pula tidak mampu mendengar apa-apa suara atau bunyi. Oleh hal yang demikian, Mak Buruk sangat kasihan dan memahami keadaannya. Perang dunia yang meletus telah menyebabkan kehidupan Tompong semakin teruk yang mana dia hanya bergantung harap dengan belas kasihan dan rasa empati orang sekitarnya. Mak Buruk adalah seorang wanita yang sudah berusia yang sering membantu dan mengangkat Tompong masuk ke dalam *shelter* apabila amaran bom dibunyikan. Namun demikian, petikan diatas memperlihatkan perasaan Mak Buruk yang tidak sempat dan terlupa untuk mengangkat Tompong ke dalam *shelter*. Mak Buruk berasa sangat bersalah dan menangis kerana memikirkan keadaan Tompong yang tidak tahu apa-apa itu akan mati apabila tidak mampu mengelak sekiranya bom jatuh berdekatan dengannya. Jelas bahawa keadaan tersebut memperlihatkan betapa pentingkan perasaan empati dalam diri setiap manusia. Perasaan empati ini bukan sahaja dapat menyelamatkan diri sendiri bahkan akan membantu menyelamatkan nyawa orang lain.

Kasih sayang pula adalah perasaan cinta seseorang kepada orang lain sama ada keluarga, rakan-rakan, pasangan dan sebagainya.

Kasih sayang amat penting bagi melahirkan insan yang bersifat kreatif, inovatif dan berprestasi tinggi. Dalam agama Islam, diyakini bahawa Khaliq (Allah) telah menciptakan perasaan sayang dalam diri setiap manusia. Menurut Muhammad Anis (2010) menyatakan bahawa Allah SWT telah mengajarkan kepada umat manusia untuk sentiasa memiliki sifat *rahmah* yang mana sifat ini penuh dengan kasih sayang terhadap makhluk sama ada manusia mahupun makhluk lain. Hal ini demikian kerana sifat menyayangi akan memberikan impak positif dan kebaikan kepada orang yang disayangi. Hal ini selaras dengan hadis Aisyah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah itu lembut dan menyukai kelembutan. Allah memberi kelembutan apa yang tidak ia berikan kerana kekerasan, dan yang tidak ia berikan kerana yang lain.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Hadis di atas membawa maksud Allah mengembangkan kecerdasan dalaman setiap anggota masyarakat agar sentiasa menyayangi antara satu sama lain, bersikap lembut dan tidak membuat sebarang kekerasan terhadap makhluk lain termasuklah binatang. Dalam hal ini dapat dilihat bahawa Allah SWT sangat menyayangi makhluknya dalam bentuk apa pun itu termasuk haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan. Berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* terdapat beberapa peristiwa yang mengambarkan tentang nilai kasih sayang yang wujud dalam diri setiap watak. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan dibawah:

Dia merapati isterinya, meraba-raba rambutnya, kemudian duduk di tepi isterinya itu, memandang tepat ke mata yang tergenang air mata.

“Sekarang kita tak boleh balik, sayang,” Giap Hong menasihatkan. “Sekarang perang....”

“Kerana peranglah aku nak balik,” jawab Ling Po memejamkan matanya, mengeluarkan air mata yang lama tergenang. “Kerana itulah aku nak balik.”

Giap Hong terasa gigi palsunya terketar-ketar di dalam mulut. Dia meraba-raba rambutnya yang pendek-pendek keras itu, seolah-olah ingin mencari jawapan di situ. Bibirnya kemudiannya diketapkan, mengambil nafas kuat-kuat, menjadikan dadanya yang gemuk itu bertambah gemuk. Dia menahan pilu sebenarnya, menahan pedih.

(A. Samad Said, 2023: 25)

Petikan di atas menunjukkan tentang kasih sayang seorang suami kepada isterinya. Giap Hong merupakan suami kepada Ling Po. Ling Po mengamuk dan menangis di hadapan suaminya kerana ingin pulang ke kampung halamannya di Perak. Namun demikian, keadaan tidak mengizinkan yang mana mereka terpaksa menahan diri disebabkan perang dunia sedang berlangsung. Walaupun Ling Po mengamuk, suaminya tidak berlaku kasar terhadapnya dan tetap melayannya dengan keadaan yang lembut dan tenang meskipun dalam hati fikirnya sedang kusut memikirkan nasib diri dan keluarga kecilnya itu. Perkara ini jelas memperlihatkan betapa besarnya kasih sayang seorang suami kepada isterinya. Dia tetap melayan isterinya dengan baik sehingga isterinya tenang. Selain itu, terdapat juga petikan lain yang menunjukkan nilai kasih sayang seperti petikan dibawah:

Sebenarnya Mak Buruk tidak tahan menderita itu, setiap malam, dalam diam-diam, dia akan menangis tersedu-sedu melihatkan Simah dan Sakinah tidur mengerekot. Setiap subuh bila menjengah di tempat tidur Jumaat tidak ada, dia akan menangis lagi. Barangkali kerana itu jugalah sayangnya kepada anak-anaknya, termasuk Tompong, bertambah. Terkadang-kadang dia melupakan dirinya sendiri, memberikan dirinya itu kepada Simah, Sakinah dan Tompong seluruhnya.

(A. Samad Said, 2023: 95)

Menerusi petikan d atas dapat dilihat betapa besarnya kasih sayang seorang ibu kepada anak-anaknya. Mak Buruk tidak memikirkan dirinya sendiri tetapi sering memikirkan nasib dan keselamatan anak-anaknya. Dia sering mendahului anak-anaknya dari semua aspek terutamanya keselamatan dan juga makanan. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh Mak Buruk sangat memberikan impak yang besar kepada anak-anaknya termasuklah Tompong. Dia sering menjadi penyelamat kepada anak-anaknya sehingga anak-anaknya sentiasa berasa tenang dan selamat. Oleh hal yang demikian, kasih sayang mampu menciptakan kerjasama yang kuat antara satu dengan yang lain dan memberikan impak yang positif pada diri sendiri dan orang lain.

4.1.3 Tidak pilih Kasih Dalam Berkawan

Sahabat merujuk kepada orang terdekat yang dikenali dan sering berhubung antara satu sama lain sama ada berkaitan dengan

belajar, bekerja dan sebagainya. Sahabat yang baik adalah sahabat yang sentiasa memberikan pertolongan dan tunjuk ajar tanpa memandang rupa paras dan asal usul. Menurut Al-Ghazali (1988) persahabatan diumpamakan seperti sebuah ikatan kekeluargaan yang mana apabila diikat dengan erat dan kuat, maka ikatan persahabatan akan semakin teguh dan kukuh. Oleh hal yang demikian, melalui definisi ini dapat dikatakan bahawa adat dalam bersahabat adalah bergaul antara satu sama lain dan saling kasih mengasihi tanpa mengira asal-usul. Keikhlasan dalam menjalankan sesebuah hubungan adalah kunci yang mampu mengukuhkan lagi ikatan sesebuah persahabatan yang dijalankan. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa peristiwa yang dibawah oleh watak yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* seperti:

Dalim dan Sukon sudah pun menyeberangi sungai dengan hanya berseluar pendek. Mereka membimbang tangan menaiki tangga kecil sungai itu. Kemudian tolong-menolong berjalan di celah dan di atas *shelter* dan balak-balak disitu.

(A. Samad Said, 2023: 40)

Menerusi petikan di atas, dapat dilihat ikatan persahabatan di antara Dalim dan Sukon sangat rapat. Dalim sangat menyayangi sahabatnya itu kerana Sukon merupakan seorang kanak-kanak yang tidak dipedulikan oleh ibu bapanya dan dibiarkan hidup terkontang kanting seorang diri. Setiap hari, Dalim akan mengajak Sukon untuk pergi ke kawasan sungai untuk mencari sisa-sisa makanan yang dihanyutkan oleh pihak Jepun. Dalim tidak meninggalkan Sukon

kemana pun dia pergi. Pada hakikanya, dalam keadaan apa pun dia tetap memikirkan Sukon. Kasih sayang yang ditunjukkan oleh Dalim sememangnya mampu mengukuhkan lagi persahabatan mereka berdua. Walaupun perang dunia kedua sedang berlangsung, mereka tetap tololong-menolong antara satu sama lain dan tidak pernah mementingkan diri. Seterusnya, nilai persahabatan juga dapat dilihat melalui petikan berikut:

“Kau suka bom jatuh, Sukon?” tanya Dalim. Sukon yang sudah pun berenang semula seperti biasa, menjawab: “Aku tak suka. Bom jatuh orang mati. Aku kasihankam Tompong. Dia buta, tepok. Siren bunyi dia tidak boleh lari. Aku tidak suka bom jatuh.”

(A. Samad Said, 2023: 58)

Berdasarkan petikan di atas, Sukon sangat mengambil berat akan sahabatnya iaitu Tompong. Walaupun Sukon mempunyai banyak kekurangan dalam dirinya sendiri, dia tetap memikirkan nasib Tompong yang jauh lebih susah dari dirinya. Sekiranya siren yang menandakan bom akan jatuh dibunyikan, Sukon, Dalim dan sahabatnya yang lain dapat melarkan diri ke dalam *shelter* dengan mudah, akan tetapi Tompong yang buta, bisu dan tidak dapat berjalan itu hanyalah mengharapkan bantuan orang lain yang kasihan terhadap keadaan dirinya. Oleh yang demikian, Sukon dan Dalim sering pergi ke rumah Mak Buruk iaitu tempat Tompong tinggal untuk membawa Tompong berbual dan bermain-main. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Sukon, Dalim dan sahabat lainnya tidak memandang rupa paras dalam

berkawan dan bersahabat. Meraka sering memikirkan tentang nasib sahabat mereka yang serba kekurangan seperti Tompong.

4.1.4 Rela Berkorban

Rela berkorban ditakrifkan sebagai sebahagian daripada semangat nasionalisme dan patriotisme yang mana seseorang sanggup dan bersedia mengorbankan segala yang dimilikinya demi meneruskan kehidupan. Rela berkorban bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan kerana seseorang yang ingin mengorbankan sesuatu haruslah yakin dan tidak menyesal dengan tindakan yang dilakukan. Meninjau dari skop yang lain, rela berkorban merupakan satu perjuangan seseorang yang merelakan dirinya untuk menjadi manfaat bagi masyarakat dan keluarga. Seseorang yang mempunyai sifat rela berkorban biasanya dilakukan untuk menampung kehidupan atau membahagiakan orang sekitarnya. Menurut Joyomartono (1990) nilai rela berkorban merupakan suatu yang sangat diperlukan dalam melakukan suatu perjuangan. Berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* karya A.Samad Said terdapat beberapa petikan teks yang mengambarkan nilai rela berkorban yang ditunjukkan oleh beberapa watak. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan dibawah:

Tuminah mengesat matanya lagi sambil memikirkan dari mana pula dia harus mencari makanan itu. Ubi yang dibelinya sudah tinggal cuma seketul dua. Duit dalam tangan sudah tidak ada. Semalam dia terpaksa menjumpai Basir untuk mendapatkan satu tin susu. "Boleh aku beri susu ini," kata Basir yang bermuka bujur telur penuh jerawat itu. "Tapi...tapi

kau mesti ganti dengan susu itu.” Orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan, fikir Tuminah.

(A. Samad Said, 2023: 5)

Menerusi petikan di atas dapat dilihat pengorbanan seorang kakak demi kelangsungan hidupnya dan adiknya, Dalim. Tuminah merupakan janda yang baru berusia awal 20-an. Demi mendapatkan bekalan makanan untuk dimakan dan menyara kehidupan dia dan adiknya, Tuminah rela mengorbankan harga dirinya kepada seorang lelaki yang memiliki bekalan makanan iaitu Basir. Pengorbanan Tuminah ini amatlah besar kerana hanya ingin mendapatkan satu tin susu, dia sanggup membuat pertukaran yang tidak masuk akal iaitu menukarkan satu tin susu dengan susu miliknya. Hal ini bermaksud rela berkorban bukanlah satu nilai yang mudah dilakukan, kerana seseorang yang akan membuat pengorbanan perlulah benar-benar ikhlas dan yakin bahawa tindakan yang dilakukan adalah benar dan tepat. Rentetan daripada itu, terdapat juga peristiwa lain yang memaparkan peristiwa rela berkorban seperti petikan dibawah:

Dalam diam-diam itu, Irwan menangis. Dia teringat bagaimana adik-beradiknya yang tujuh orang di Pekalongan hidup dengan hanya ibu yang terpaksa mencari rezeki. Dia paling tua. Ayahnya sudah terlebih dahulu dikaup Jepun entah dibawa ke mana. Dan sekarang dia berada dalam keadaan yang sebenarnya sudah pun boleh dikatakan setengah mati dengan Mulyadi yang berasal dari Semarang. Irwan teresak-esak.

(A. Samad Said, 2023: 31)

Berdasarkan petikan di atas, Irwan yang merupakan seorang lelaki berasal dari Indonesia, menangis teresak-esak apabila mengenangkan nasib dirinya dan perjuangan ibunya dalam membesar mereka tujuh orang adik-beradik. Ibunya mengambil alih tanggungjawab ayahnya yang telah ditangkap oleh tentera Jepun. Irwan mengingati keperitan dan kesusahan ibunya dalam menyara kehidupan mereka. Hal ini membuktikan bahawa pengorbanan yang dilakukan oleh ibu Irwan merupakan satu pengorbanan yang cukup besar dan bermakna. Oleh hal yang demikian, nilai atau sifat rela berkorban ini perlulah diterapkan dan dikembangkan sejak kecil lagi.

4.1.5 Berbuat Baik Kepada Semua Manusia

Baik didefinisikan sebagai kepekaan terhadap perasaan dan kebajikan diri sendiri dan orang lain dengan memberikan bantuan dan sokongan moral secara tulus dan ikhlas. Menurut Aristoteles (384-322 SM) melalui karya yang berjudul *Nicomachean* mendefinisikan bahawa kebaikan adalah segala sesuatu yang menarik dan disukai oleh ramai orang. Berbuat baik merupakan nilai kemanusiaan yang sepatutnya wujud dalam diri setiap insan. Hal ini demikian kerana, semua perbuatan yang mendarangkan nilai-nilai positif dan baik mampu membentuk kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni. Sebagai contoh, Islam merupakan agama yang mengajarkan kepada semua penganutnya agar sentiasa bertindak dengan tindakan yang benar, berbuat baik kepada semua manusia, memelihara prinsip-prinsip yang luhur dan menjadi tauladan yang mulia kepada orang lain. Hal ini

dapat dibuktikan melalui firman Allah SWT dalam al-Quran surah Al-Baqaroh, (11-12):

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka,"Janganlah berbuat kerosakan di bumi" mereka menjawab,"Sesungguhnya kami justru orang-orang yang melakukan kebaikan. Ingatlah, Sesungguhnya merekalah yang berbuat kerosakan, tetapi mereka tidak menyadarinya.

(Surah Al-Baqaroh, ayat 11-12, 2012:3)

Berdasarkan ayat di atas, jelas bahawa sebagai seorang manusia yang taat, perlulah membuat kebaikan dan mengajak orang ramai untuk membuat kebaikan dan amal jariah secara bersama. Sebagai manusia yang baik, sebarang kerosakan atau nilai-nilai negatif perlulah dijauhkan. Hal ini demikian kerana, oaring-orang yang melakukan kebaikan sudah tentu impiannya akan tercapai dengan jalan dan cara yang terbaik manakala mereka yang sering melakukan kejahanan dan kerosakkan akan disisikan dan dipersulit jalannya untuk mencapai impian. Berbuat baik perlu dilakukan oleh setiap manusia dan juga haiwan serta makhluk lain. Menerusi novel *Sungai Mengalir Lesu* terdapat beberapa peristiwa yang memperlihatkan tentang perbuatan berbuat baik yang dibawah oleh setiap watak. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan dibawah:

Memang kanak-kanak selalu ke sana, menyanyi dan menari di atas lumpur ataupun rangka tongkang, menarik perhatian sojar yang mengawal dari atas menara kayu yang agak tinggi. Kanak-kanak ini hanya berani kalau giliran Katayama yang menjaganya. Dari Katayama masih ada senyum riang dan mengerti; darinya juga selalu ada rezeki; dia akan melontarkan ikan dan sayur dalam tin;

malah kadang-kadang dia melontarkan juga kampit kecil berisi beras.

(A. Samad Said, 2023: 12)

Menerusi petikan di atas, dapat dilihat walaupun Katayama merupakan seorang tentera Jepun iaitu tentera kepada pihak penjajah, dia tetap mempunyai nilai kemanusiaan dalam dirinya. Katayama diarahkan untuk bersikap keras kepada penduduk sekitar, namun sikap berprikemanusiaan yang ada dalam dirinya membuatnya sentiasa melakukan kebaikan walaupun kecil. Buktinya, Katayama memberikan makanan kepada kanak-kanak yang sedang mencari makanan disekitar tempat dia bertugas. Katayama tidak dapat memberikan secara terus akan tetapi dia akan melontar makanan-makanan tersebut dari atas tempatnya membuat kawalan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa, tidak kisah seseorang itu berada di posisi lawan atau musuh, namun sekiranya dia mempunyai sifat kemanusiaan dia tetap akan berbuat baik kepada sesiapapun. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan Hadis Rasulullah SAW daripada Abi Syuraih RA, maksudnya:

“Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berbuat baik kepada jirannya.”

(Riwayat Muslim)

Hadis di atas memberi maksud bahawa sesiapa yang menginginkan perkara-perkara baik berlaku dalam kehidupanya, dia perlulah sentiasa melakukan kebaikan. Hadis ini adalah hadis yang wajib diikuti dan diyakini oleh umat Islam, akan tetapi dipercayai

bahawa setiap agama yang wujud di atas muka bumi ini akan sentiasa mengajarkan nilai-nilai kebaikan kepada para penganutnya.

4.1.6 Bertanggungjawab Terhadap Keselamatan Dan Keamanan Bersama

Bertanggungjawab ditakrifkan sebagai kesanggupan diri untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. Setiap insan perlulah memahami pengertian tanggungjawab, contoh tanggunjawab, bentuk dan ciri-cirinya untuk diterapkan ke dalam kehidupan seharian. Semua pihak adalah bertanggungjawab untuk mewujudkan keamanan serta keselamatan terhadap agama, bangsa dan negara. Menurut Suseno (2016) bertanggungjawab merupakan tugas atau kewajiban yang perlu diselesaikan oleh seseorang. Dalam konteks kajian ini, bertanggungjawab merupakan salah satu nilai kemanusiaan yang akan memberikan kesan positif kepada persekitaran. Oleh hal yang demikian, pentingnya kesatuan dan saling bekerjasama dalam usaha membina, mewujudkan keamanan serta keselamatan. Imam Bukhari dalam kitabnya ada menjelaskan tentang sabda Rasulullah SAW berkaitan dengan keamanan. Maksudnya:

“Kehidupan sosial dan kemasyarakatan memerlukan pertahanan dan keamanan dan aspek umpama penumpang kapal (ka rukkab al-safinah). Sebahagian penumpang berada di tingkat atas, sebahagian lagi di tingkat bawah. Apabila penumpang yang berada di tingkat bawah ingin mengambil air, mereka perlu naik ke atas dan melalui bahagian yang berada di atas. Lalu terdapat fikiran dalam kalangan mereka yang ingin mengambil

jalan pintas untuk mengambil air dengan cara menebuk dinding kapal, agar mudah untuk mendapatkan air. Jika idea atau fikiran itu dibiarkan sudah tentu kapal tersebut akan karam, sebaliknya jika ada dalam kalangan mereka menyedari dan mencegah perbuatan itu, maka sudah tentu mereka akan selamat dan tidak karam.”

(Hadis Imam Al-Bukhari)

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan keamanan bersama dapat dicapai dan dikekalkan. Perkara ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila terdapat beberapa petikan teks yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* yang memberikan gambaran tentang perkara ini. Sebagai contoh petikan dibawah:

Sebelum sempat Tuminah bertanya siren berombak-ombak tanda B24 dan B29 satang menyerang telag berbunyi. Serta-merta itu juga, Tuminah menarik Dalim dan mereka sama-sama berlari cepat untuk masuk ke dalam *shelter*.

(A. Samad Said, 2023: 5)

Petikan di atas menunjukkan tentang keadaan Tuminah dan Dalim yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan keamanan bersama. Berdasarkan watak Tuminah sebagai kakak kepada Dalim yang masih kanak-kanak, dia bertanggungjawab dalam memastikan adiknya itu berada dalam keadaan selamat. Sebagai contoh, selepas sahaja mendengar siren amaran, Tuminah tidak berfikir panjang dan terus mengambil tangan adiknya untuk bersama-bersama berlari masuk ke dalam *shelter* iaitu tempat perlindungan mereka sekiranya bom dijauhkan oleh pihak penjajah.

4.1.7 Bekerjasama Dan Tolong-Menolong

Bekerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain walaupun berbeza bangsa dan agama merupakan salah satu tindakan yang mulia. Hal ini membuktikan bahawa setiap manusia haruslah tolong-menolong antara satu dengan yang lain demi mewujudkan sifat kemanusiaan bagi menjamin kehidupan bermasyarakat yang aman dan harmoni. Kepelbagai masyarakat Malaysia dari segi bangsa, agama dan budaya wajarlah diangkat sebagai satu kelebihan yang perlu diraikan oleh setiap rakyat di negara ini. Apabila amalan bersatu padu diamalkan dalam suasana yang aman dan harmoni maka setiap kaum terutamanya Melayu, Cina dan India tidak merasa dipinggirkan.

Dapat disimpulkan bahawa kerjasama dan amalan tolong-menolong antara kaum amatlah dititikberatkan bagi melahirkan sebuah masyarakat yang mempunyai perpaduan bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara. Menurut Choo Ming (2005) perpaduan negara yang berkait erat dengan keselamatan dan juga boleh menentukan pembangunan negara. Berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* terdapat beberapa peristiwa yang menunjukkan kerjasama dan tolong-menolong walaupun berlainan bangsa dan agama. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Di dalam *shelter* itu berbaur manusia tidak kira bangsa dan agama. Di dalamnya itulah selalunya mereka bercerita tentang suka duka masing-masing, tentang cinta dan harapannya, dan tentang apa yang akan dibuat mereka bila perang tamat nanti.

(A. Samad Said, 2023: 7)

Petikan diatas menunjukkan keadaan manusia yang berkongsi cerita tentang suka dan duka mereka tanpa melihat perbezaan agama dan bangsa. Mereka tetap bekerjasama dalam menjaga keamanan dan keselamatan bersama. Mereka memastikan semua jiran, saudara dan rakan-rakan telah masuk ke dalam *shelter* apabila siren bom dijatuhkan oleh pihak penjajah. Dalam *shelter* tersebut, terdapat pebagai jenis manusia yang berasal dari bangsa yang berbeza. Sebagai contoh, Tuminah berbangsa Melayu, Soosay berbangsa India dan Gaip Hong berbangsa Cina. Mereka bercerita tentang kisah duka dan pengorbanan serta impian yang mereka ingin capai setelah mereka bebas dari cengkaman penjajah kelak.

Selain itu, terdapat juga situasi lain yang memaparkan tentang nilai kerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023). Hal ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“Tuminah datang berkejaran naik tangga ke bilik Tompong dan di belakangnya Dalim. Dia tersentak melihat Mak Buruk sedang menarik Tompong yang masih memegang kuat palang-palang tingkap itu. “Ahmad Jani suruh saya ambil Tompong...,” kata Tuminah dan cepat-cepat dipotong oleh Dalim: “Biar Dalim angkat dia!”

“Sudah. Jangan kau nak pandai-pandai pula, Dalim,” kata Mak Buruk, cuba melepaskan genggaman tangan Tompong dari palang-palang tingkap itu. “Tompong, jangan macam itu. Biar Mak Buruk dan Tuminah angkat kau. Kalau jadi apa-apa biarlah semuanya dalam *shelter* nanti.

Kau tak takutkah sorang-sorang di atas? Bom jatuh nanti macam mana. Hah?"

(A. Samad Said, 2023: 24)

Berdasarkan petikan teks di atas, Mak Buruk, Dalim dan Tuminah sedang bekerjasama untuk memujuk dan mengangkat Tompong untuk dibawah masuk ke dalam *shelter*. Pada mulanya, hanya Mak Buruk yang berusaha memujuk Tompong untuk diangkat ke dalam *shelter* dan pujuhan Mak Buruk tidak dapat memujuk Tompong kerana dia ingin melihat tawanan orang Putih yang sedang diiring oleh tentera Jepun. Usia dan fizikal Mak Buruk sebagai seorang wanita tidak dapat mengangkat Tompong secara paksa kerana Tompong mengenggam erat pada palang-palang tiang. Apabila Tuminah dan Dalim tiba, akhirnya Tompong dapat diangkat dan dibawah ke dalam *shelter* atas kerjasama mereka bertiga.

Dapat disimpulkan di sini bahawa bekerjasama dan bergaul walaupun berlainan bangsa dan agama adalah amalan yang mulia dan menunjukkan bahawa nilai kemanusiaan tetap menjadi teras utama dalam melahirkan masyarakat yang sejahtera dan bahagia. Hal ini demikian kerana sudah menjadi lumrah manusia hidup di muka bumi yang saling memerlukan antara satu dengan yang lain. Justeru itu, demi kepentingan hidup yang boleh menjamin ketenteraman dan kebahagiaan, maka agama Islam menggariskan beberapa panduan dalam kehidupan bermasyarakat. Antara peraturan hidup yang sepatutnya disemai dalam diri setiap anggota masyarakat ialah menghormati dan berbuat baik kepada jiran tetangga. Jiran tetangga

pula berangkumi mereka yang tinggal berdekatan tidak kira Islam atau bukan Islam, orang beribadah atau orang fasik, sahabat atau musuh, warganegara atau bukan dan lain-lain.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.2 Kesan Pengaplikasian Nilai-Nilai Kemanusiaan Yang Terkandung Dalam Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) Karya A. Samad Said Menerusi Pendekatan Bidayatul-Hidayah.

4.2.1 Membentuk Diri Menjadi Insan Yang Taat

Diri didefinisikan sebagai seorang individu yang mengenali, memahami, bertanggungjawab dalam membentuk karakter, membuat penilaian, berkeyakinan dan mempunyai pengalaman yang mampu untuk membentuk identiti dirinya. Perkara ini dapat dilihat melalui cara seseorang melihat dirinya sendiri, mampu mengetahui keunikan diri dan kelebihan dirinya serta caranya berkomunikasi dengan dunia sekitarnya berdasarkan kefahaman yang wujud dalam dirinya. Menurut Utami (2015) cara terbaik untuk seseorang individu menyesuaikan diri dalam semua keadaan adalah dengan mengenali dirinya sendiri terlebih dahulu. Hal ini termasuklah pemahaman yang mendalam terhadap diri sendiri, mengetahui nilai-nilai diri seperti kelemahan, kelebihan, cita-cita, hobi dan juga matlamat yang ingin dicapai. Apabila seseorang mampu mengenali diri sendiri maka secara tidak langsung individu tersebut dapat mengetahui batas kemampuannya sekaligus membantu dirinya untuk mencapai matlamat dan keinginan.

Seseorang yang mampu mengenali dirinya dengan baik sudah tentu mampu untuk menentukan hala tuju hidupnya tanpa mewujudkan perasaan ragu-ragu dan kebingungan. Kenyataan ini disokong oleh Herawati (2017) yang menyatakan bahawa seseorang yang mengenali dirinya sendiri secara mendalam sudah tentu akan mengetahui apa yang diperlukan di dalam kehidupannya. Bukan itu sahaja, Chomariyah

(2008) menegaskan bahawa seseorang yang mengenali dirinya sendiri akan dapat membentuk karakter dan keyakinan yang tinggi sehingga mampu mengawal nafsu atau kehendak terhadap sesuatu perkara yang tidak diperlukan dan sentiasa berasa syukur dengan apa yang tidak dimiliki. Dalam konteks ini, mengenali diri sendiri dipengaruhi oleh dua faktor iaitu faktor dalaman dan luaran individu itu sendiri. Definisi diri dapat berkembang dengan baik seiring dengan pengalaman hidup, kekerapan refleksi diri yang dilakukan dan peningkatan dalam pertumbuhan peribadi.

Taat pula adalah sikap atau tindakan patuh terhadap semua peraturan, undang-undang, norma, perintah atau nilai-nilai tertentu yang telah ditetapkan oleh sesebuah organisasi atau prinsip yang diyakini. Selain itu taat juga ditakrifkan sebagai satu pemahaman terhadap tindakan yang dilakukan dengan mematuhi premis atau berpegang teguh dengan nilai-nilai yang dipercayai. Muhibbin Syah (2012) mendefinisikan taat sebagai satu sikap yang relatif dengan kepatuhan seseorang terhadap suatu perkara. Konsep taat ini memberikan makna yang lebih mendalam dalam konteks falsafah kerana melibatkan kesedaran individu terhadap sesuatu tindakan yang dilakukan dengan mematuhi semua peraturan atau sistem yang telah ditetapkan. Taat terbahagi kepada banyak aspek kehidupan sebagai contoh taat kepada hukum dan peraturan, ketaatan dalam masyarakat sosial, ketaatan kepada organisasi, ketaatan kepada nilai-nilai etika, ketaatan kepada ibu bapa, bangsa, agama dan banyak lagi.

Dalam konteks ini, banyak konsep-konsep ketaatan yang dapat dilihat dan dinilai. Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) mempunyai banyak nilai-nilai ketaatan yang dipamerkan oleh beberapa watak yang. Sikap mematuhi perintah dan arahan ini telah berjaya membentuk masyarakat yang taat. Hal ini dikatakan demikian kerana taat memainkan peranan yang cukup besar dalam membentuk perilaku individu dalam pelbagai konteks kehidupan. Nilai taat dapat dilihat melalui petikan tersebut:

Waktu Tuminah masuk Ahmad Jani sedang membaca Yasin dengan tangan yang tergigil-gigil. Badannya yang gempal cuma ditutupi singlet yang agak bersih. Songkok putih warisan pak ciknya, Amin, terpersuk, menyembunyikan sebahagian besar rambutnya yang mencerancang pendek.

(A.Samad Said, 2023:6)

Menerusi petikan di atas, dapat dilihat bahawa watak Ahmad Jani sedang membaca Yasin. Yasin merupakan salah satu surah yang paling terkenal dan antara surah yang mendapat bacaan paling kerap. Amalan membaca surah Yasin merupakan salah satu amalan yang sangat dianjurkan dalam agama Islam. Surah Yasin merupakan surah ke-26 dalam al-Quran. Semua umat Islam menyakini kelebihan membaca surah Yasin akan mendatang pelbagai kebaikan kepada siapa yang membacanya dengan yakin dan ikhlas. Selalunya, surah Yasin dibaca untuk mendapatkan keberkatan, mengharapkan keampunan daripada Allah dan sebagai hadiah atau sedekah kepada orang yang telah meninggal dunia. Perlu difahami bahawa, amalan membaca surah Yasin ini merupakan simbol keimanan dan

kepercayaan seseorang kepada Allah SWT. Perkara ini dibuktikan lagi dengan sabda Rasulullah SAW seperti berikut:

Maksudnya: Barangsiapa yang membaca surah Yasin pada malam hari untuk mencari redha Allah maka akan diampunkan dosanya.

(Riwayat Ibn Hibban, no. hadith 2574)

Berdasarkan keratan hadith di atas dapat dilihat bahawa Rasulullah SAW menegaskan bahawa amalan membaca Yasin merupakan satu amalan yang dapat mengampunkan dosa-dosa yang telah dilakukan sebelumnya. Rentetan daripada itu, semua umat Islam perlulah yakin bahawa surah Yasin mampu mendatangkan rahmat dan magfirah iaitu mendatangkan keampunan daripada Allah SWT. Surah Yasin juga mampu menjadi salah satu amalan yang dipercayai dapat memberikan perlindungan daripada bala bencana dan kesulitan hidup. Bukan itu sahaja, surah Yasin juga diyakini dapat mempercepatkan kematian dengan kematian yang ditunggu-tunggu iaitu kematian husnul khatimah. Hal ini kerana, terdapat beberapa keyakinan yang menyatakan bahawa membaca surah Yasin dapat mempercepatkan kematian seseorang dengan keadaan yang baik dan dipermudahkan segala perjalanannya menuju ke syurga yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Berbalik kepada konteks yang asal, Ahmad Jani membaca Yasin semasa di mereka sejak bersembunyi di dalam *shelter* yang di dalamnya terdapat puluhan manusia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Pada ketika itu juga, bom yang dijatuhkan oleh pihak penajah jatuh seperti butiran hujan membasahi bumi. Ketakutan yang

dirasakan oleh Ahmad Jani telah mendorong beliau untuk membaca Yasin dengan penuh tekun meskipun pada ketika itu keadaan dalam *shelter* adalah sangat sempit dan sesak. Hal ini kerana, Ahmad Jani merupakan seorang Muslim dan dia berpegang teguh kepada amalan-amalan Islam yang mana sekiranya membaca surah Yasin semasa sedang berada dalam kesusahan, Allah akan memberikan pertolongan dan melapangkan hati mereka yang sedang berada dalam ketakutan serta kesengsaraan. Perkara ini jelas membuktikan bahawa, amalan yang ditunjukkan oleh Ahmad Jani ini melambangkan ketaatan seorang hamba kepada TuhanYa. Tindakan yang dilakukan Ahmad Jani seharusnya dipuji kerana menonjolkan elemen-elemen ketaatan seorang penganut agama Islam kepada masyarakat luar dengan lebih meluas.

Selain itu, watak Ahmad Jani juga berjaya menunjukkan amalan-amalan ketaatan lain seperti amalan mengaji. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Suara itu patah, semuanya menunduk dan ada yang meniarap. Gegaran kuat menggentarkan segala-galanya, isi bumi dan manusia di dalam *shelter* itu. Suara jeritan dan suara Ahmad Jani mengaji semakin meninggi.

(A.Samad Said, 2023:9)

Petikan di atas memaparkan tentang situasi Ahmad Jani yang menggambarkan ketinggian darjah agamanya berbanding dengan kepayahan serta ketakutannya terhadap bom yang sedang rancak berjatuhan pada ketika itu. Ahmad Jani meninggikan suaranya ketika mengaji adalah untuk mengatasi bunyi gegaran bom kerana dia berasa

yakin bahawa tindakannya itu diyakini mampu mengatasi perasaan takutnya pada ketika itu. Budaya mengaji ini merupakan bukti kepercayaan dan keimanan kepada Allah SWT. Amalan mengaji dalam agama Islam adalah kegiatan seperti membaca, mempelajari dan menghafal al-Quran. Perbuatan ini sangat dianjurkan dalam Islam agar penganutnya lebih memahami ajaran dan petunjuk yang terkandung dalam kitab suci al-Quran. Bukan itu sahaja, mengaji juga termasuklah memahami tafsir, mempelajari hadis-hadis serta usaha dalam memperdalam pengetahuan tentang agama. Amalan ini dianggap sebagai satu amalan atau cara untuk mendekatkan diri kepada Allah dan mendapat pahala.

Meninjau dari skop pendekatanan Bidayatul-Hidayah pula, dapat dilihat melalui prinsip pertama iaitu taat kepada Allah SWT. Seseorang hamba yang taat, sudah tentu sentiasa mengamalkan amalan-amalan yang disukai oleh Allah SWT termasuklah mengaji. Hal ini demikian kerana, mengaji merupakan amalan membaca al-Quran dan perlu difahami bahawa al-Quran digambarkan sebagai “kata-kata Allah SWT”. Apabila seseorang individu mengaji, maka ketaatan yang dilakukan ini akan diberikan ganjaran pahala yang besar, dapat mendekatkan diri kepada Allah, mendapat perlindungan dari kesesatan, meningkatkan ilmu pemahaman berkaitan al-Quran dan hadith seterusnya mendapat syafaat di akhirat kelak.

Terdapat juga konsep ketaatan lainnya yang dipaparkan dalam novel ini melalui watak Mansur. Hal ini dapat dilihat melalui petikan teks di bawah:

Memanglah dia menjadi isteri yang baik, fikir Tuminah. Mansur yang penyabar, sembahyang tidak tinggal, dan malam-malam menjadi guru mengaji pula, menjadikan Tuminah Insaf bahawa dalam dunia ini masih ada juga manusia yang baik. Tuminah mula juga belajar-belajar membaca surah Yasin, malah sudah pun menghafaz sebahagiannya, membacakannya berulang kali ketika di dalam shelter, ketika B24 dan B29 menggegar dan menderam.

(A. Samad Said, 2024: 45)

Berdasarkan petikan diatas, Mansur yang merupakan bekas suami Tuminah merupakan seorang insan yang taat. Mansur adalah pemuda yang beragama Islam dan banyak rukun-rukun Islam yang dilakukan oleh Mansur. Hal ini jelas menggambarkan bahawa perbuatan yang dilakukan oleh Mansur adalah salah satu ciri yang perlu ada dalam diri seorang hamba Allah SWT yang taat akan perintah-Nya. Hal ini dikatakan demikian, menurut Tuminah, Mansur tidak pernah meninggalkan solat atau sembahyang, seorang yang sangat penyabar dan pandai mengaji. Kepandaianya dalam mengaji telah menjadikan Mansur guru mengaji sekaligus memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan Tuminah. Berkat perkawinannya dengan Mansur, Tuminah mula belajar mengaji dan mengamalkannya apabila dia terkena musibah. Sebagai contoh, apabila berada di dalam *shelter*, Tuminah akan membaca *Yasin* iaitu surah yang dihafalnya melalui Mansur.

4.2.2 Membantu Membina Hubungan Yang Lebih Baik Antara Individu Dan Masyarakat

Hubungan ditakrifkan sebagai interaksi antara dua orang atau lebih atau perkara-perkara yang melibatkan komunikasi, emosi atau kaitan yang rapat antara satu sama lain dalam pelbagai konteks seperti hubungan antara manusia, hubungan sosial atau hubungan antara organisasi. Menurut Muhamad Cairul (2014) hubungan terjadi disebabkan manusia yang tidak dapat melepaskan diri daripada berinteraksi dengan manusia lain. Dalam nada yang lain, hubungan yang terbentuk daripada individu-individu ini telah berjaya membentuk satu komuniti sosial yang sentiasa bergantung antara satu sama lain kerana masing-masing mempunyai perananya tersendiri. Oleh hal yang demikian, hubungan lahir daripada hasil daripada keperluan manusia yang secara semula jadi menginginkan keamanan dan kasih sayang.

Membina hubungan yang baik antara individu dan masyarakat merupakan perkara yang sangat penting untuk melahirkan masyarakat sosial yang berkualiti tinggi. Hal ini demikian kerana hubungan yang baik antara individu dan masyarakat dapat meningkatkan rasa saling mempercayai antara satu sama lain, menjalani kehidupan seharian tanpa sebarang keraguan, memupuk semangat kebersamaan serta mampu mengurangkan konflik. Hubungan yang baik juga sangat penting kerana memberikan banyak manfaat kepada semua pihak. Sebagai contoh, melalui ikatan perhubungan yang baik, peratusan untuk membuat kolaborasi yang lebih efektif, dapat meluaskan hubungan atau jaringan sosial sekaligus mencipta sebuah persekitaran

komuniti yang sentiasa menyokong pertumbuhan peribadi dan dapat bersama-sama dengan masyarakat yang bersikap profesional dalam sebuah perkara. Kesannya, sentiap individu yang hidup dalam komuniti ini akan mencapai kesejahteraan dan kebahagian dalam kehidupan mereka.

Seterusnya, nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dapat novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) diyakini mampu membentuk hubungan yang lebih baik antara individu dan masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Tuminah selalu mendengar cerita-cerita yang pilu, dibantu dengan kisah-kisah harapan yang memang dirindui sangat. Memanglah shelter itu tempat gaulan segala perasaan. Kalau ia tidak tertimbas oleh bom dari B24 atau B29, kata Tuminah dalam hati, ia akan melahirkan beraneka cerita dari Econ, Mak Buruk, Salimah, Basir, Sayeed Ayuub, Giop Hong, Kuldip Singh, Irwan dan Mulyadi, Ahmad Jani dan Soosay.

(A.Samad Said, 2023:7)

Petikan di atas memaparkan tentang hubungan baik yang dijalankan oleh masyarakat yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023). Walaupun mereka hidup berbeza agama dan juga bangsa, mereka tetap bekerjasama dalam menghadapi ujian hidup. Mereka berkumpul dalam satu *shelter* demi menyelamatkan nyawa mereka daripada dibedil bom yang dijatuhkan oleh pihak penjajah. *Shelter* itulah tempat mereka semua bersembunyi demi keselamatan dan keamanan bersama. Keharmonian yang ditunjukkan antara individu dari latar belakang yang berbeza sangatlah penting untuk mencipta persekitaran yang aman meskipun mereka diuji dengan peperangan.

Hal ini kerana, pergaduhan atau ketidakpuasan hati tidak akan memberikan apa-apa kebaikan sebaliknya hanya akan mendatangkan banyak kerugian. Melalui teks di atas dapat dilihat kearkraban mereka sehingga mereka semua saling berkongsi-kongsi cerita dan pengalaman serta impian yang mereka ingin capai apabila perang mula reda nanti.

Selain itu, terdapat juga situasi di mana ikatan atau hubungan persahabatan antara dua individu telah menunjukkan tentang nilai-nilai baik yang dapat dijadikan contoh untuk membina hubungan yang lebih baik antara individu dan masyarakat. Perkara ini dibuktikan melalui petikan di bawah:

Irwan teragak-agak hendak memberikan, sebab di dalamnya itulah anak-anak patung untuk Yati. "Kau jangan khuatir. Kau berilah beg itu, aku beri kau duit," kata Orang Putih itu melalui jurubahasa drebaranya.

Irwan teragak-agak juga lagi. "Aku tidak bohong. Katakan berapa harganya, aku bayar,' drebar itu menyampaikan kata-kata tuannya.

Irwan mendongak ke atas, menangis kerana teringatkan Mulyadi dan pesanan terakhirnya. "Aku tak hendak duit," katanya tersedu.

Kau berikan anak-anak patung dalam beg ini." Sementara menanti jawapan Irwan memerhati ke sungai yang mengalir lesu itu. Dia tahu Mulyadi ada di dasar sungai. Dia Menangis.

(A.Samad Said, 2023:103)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bahawa Irwan merupakan seorang rakan yang sangat baik. Dia berusaha untuk menyampaikan amanat terakhir kawannya. Dia teragak-agak memberikan barang atau anak patung itu kepada Orang Putih

disebabkan rakannya Mulyadi yang telah meninggal dunia mengarahkannya untuk memberikan patung tersebut kepada anaknya Yati yang berada di kampung halamannya. Irwan memandang ke arah sungai yang mengalir lesu itu, kerana jasad Mulyadi berada di dasar sungai itu. Irwan bingung dan berasa buntuh. Hal ini kerana, persahabatan yang kuat dan baik dapat menjadi landasan untuk membangunkan hubungan yang positif dan berpanjangan dalam kalangan masyarakat. Hubungan yang baik ini pula perlulah didasari dengan saling memahami antara satu dengan yang lain, kepercayaan, sokongan moral dan rasa hormat yang tinggi.

Memandang melalui aspek pendekatan Bidayatul-Hidayah pula, amalan atau nilai-nilai baik yang diamalkan oleh setiap watak sememangnya memberikan impak yang positif. Hal ini demikian kerana salah satu prinsip dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah ada menegaskan tentang menjaga hubungan baik antara manusia iaitu dalam prinsip ketiga. Prinsip ketiga dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah ini adalah adab-adab pergaulan dan persahabatan dengan Khaliq (Tuhan) dan makhluk. Dapat dilihat melalui fasal kelima iaitu adab-adab dengan seluruh manusia. Sebagai contoh, dalam ceraian kedua fasal ini, Imam Ghazali menerangkan tentang adab bersama kawan karib seperti yang tunjukkan oleh Irwan terhadap Mulyadi.

4.2.3 Membantu Mengurangkan Konflik Yang Berlaku Dalam Kalangan Masyarakat

Konflik dalam konteks sosial merujuk kepada pertentangan atau perselisihan antara individu atau kelompok dalam masyarakat. Definisi konflik ini menyebabkan wujudnya situasi tegang, perbezaan pendapat dan pandangan, salah faham dan banyak lagi. Bukan itu sahaja, konflik juga muncul apabila berlaku ketidaksetaraan sosial. Konflik bersifat verbal atau fizik yang sering melibatkan perasaan ketidakpuasan hati, ketidakadilan sosial dan juga keadaan yang berbeza iaitu kenyataan tidak sesuai dengan apa yang benar-benar berlaku serta ketidakstabilan ekonomi semasa. Apabila konflik ini berlaku maka akan ada satu situasi yang mana akan ada pihak yang berasa tidak puas hati dan mendorong mereka melakukan perkara-perkara luar di luar jangkaan yang menyebabkan pihak lagi satu akan kalah atau jatuh. Kenyataan ini dibuktikan apabila Abu Ahmadi (2009) menyatakan bahawa konflik adalah satu proses sosial yang melibatkan dua atau lebih individu yang mempunyai niat untuk menyingkirkan pihak lain iaitu dengan cara membuatnya tidak berdaya lalu kalah.

Meninjau dari skop yang berbeza, jika konflik dapat dikurangkan dalam kalangan masyarakat secara tidak langsung kehidupan masyarakat akan lebih positif. Tidak mudah untuk mengurangkan konflik yang berlaku kerana konflik kini menjadi salah satu keadaan yang semakin dinormalisasi oleh masyarakat kini. Oleh hal yang demikian, setiap lapisan masyarakat mempunyai peranan masing-masing untuk merealisasikan impian dan matlamat ini. Menangani

konflik memerlukan pendekatan yang bijaksana dengan strategi yang mantap. Banyak langkah yang dapat diambil untuk menangani konflik ini seperti setiap individu perlu memahami situasi iaitu dengan mencari tahu punca dan akar permasalahan. Pendapat dari semua pihak perlu didengari dan perspektif yang dilontarkan oleh mereka perlulah difahami dan diterima dengan baik. Selain itu, komunikasi juga merupakan salah satu cara yang efektif bagi menangani masalah ini seperti berbicara secara terbuka dan jujur dalam mengekspresikan perasaan dan pandangan. Hindarkan daripada saling menyalahkan dan dengarlah dengan penuh empati serta fokus.

Rentetan daripada itu, berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) terdapat beberapa konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat pada ketika itu. Konflik wujud disebabkan ketidaksefahaman antara mereka, masalah ekonomi, kedudukan dan pangkat, ketidakadilan sosial dan sebagainya. Sebagai contoh konflik yang berlaku adalah seperti petikan berikut:

“Jepun nak ajar orang yang mencuri barang-barang gudang.” Ahmad Jani memberitahu di hadapan Sayeed Ayuub, Giap Hong, Mak Buruk, Soosay dan Tuminah. Waktu itu Basir pun ada. ‘Menghukum orang yang mencuri dengan memancung?’ tanya Basir di dalam hatinya dan merasakan kurang adil sekali.

(A.Samad Said, 2023:52)

Petikan di atas memaparkan tentang konflik yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat di Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Melaka pada perang dunia kedua. Perang dunia kedua yang berlangsung pada ketika itu menyebabkan kehidupan mereka

menjadi sangat sukar terutamanya dari aspek makanan yang mana bekalan makanan pada ketika itu telah diputuskan dan di hadkan oleh pihak penjajah. Situasi ini memberikan gambaran tentang konflik ekonomi dan pemerintahan sedang berlaku dan keadaan ini memaksa beberapa orang yang terdiri daripada penduduk kampung tersebut terpaksa mencuri bekalan makanan dari pihak musuh demi meneruskan kehidupan mereka. Perkara yang menyebabkan konflik ini semakin parah adalah apabila pihak penjajah membuat pengumuman akan menjalankan hukuman pancung kepala apabila didapati bersalah mencuri makanan.

Hal ini menyebabkan beberapa penduduk kampung berasa sangat tidak puas hati dengan peraturan tersebut kerana mereka berasa sangat tidak adil apabila kesalahan mencuri makanan akan dikenakan dihukum pancung yang mana menurut mereka hukuman tersebut terlalu keterlaluan. Namun demikian, memandang dari sudut kondifikasi yang berbeza, toleransi dan sifat mengambil berat yang ditunjukkan oleh penduduk kampung telah menyebabkan konflik ekonomi dan ketidakadilan dalam sistem pemerintahan ini semakin berkurang dan tidak terlalu menjadi beban kepada masyarakat pada ketika itu. Sebagai contoh, watak Basir di dalam novel ini merupakan seorang pemuda yang sememangnya kerap melakukan aktiviti mencuri bahan makanan di gudang pihak penjajah, namun tindakannya itu telah meringankan beban fikiran dan konflik dalam kehidupan seorang gadis bernama Tuminah. Hal ini dapat dilihat melalui petikan dibawah:

Tuminah yang masih lagi terperanjat mendengarkan Basir mati, dan berani pula pergi melihatnya, tidak putus-putus menangis, walaupun Basir bukan suaminya. Perhubungan secara diam-diam, lebih-lebih lagi Basir begitu bertimbang rasa memberinya makanan (walaupun dengan meminta balasan), menjadikan Basir dalam masa segenting itu.

(A. Samad Said, 2023: 94)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat bahawa sikap Basir yang bertimbang rasa terhadap Tuminah serba sedikit telah mengurangkan konflik dan kesusahan yang dihadapi oleh Tuminah. Tuminah bersama adiknya Dalim, mampu teruskan kehidupan mereka dengan bantuan dan ehsan daripada Basir. Sikap kemanusiaan yang ditunjukkan oleh watak Basir telah memberikan impak yang cukup besar dalam kehidupan Tuminah bersama dengan adiknya. Sebelum mengenali Basir, kehidupan Tuminah sangat susah apabila diuji dengan kehilangan ahli keluarga serta suaminya. Pelbagai asam garam kehidupannya dengan Dalim adiknya. Berdasarkan situasi ini, terbukti bahawa nilai kemanusiaan bertimbang rasa ini berjaya membentuk perasaan empati dan menentukan tindakan manusia untuk membuat keputusan semasa bertindak. Perkara ini menekankan tentang pentingnya memahami dan menghormati situasi orang lain demi mencapai keadilan dan kebaikan bersama.

Memandang dari aspek pendekatan Bidayatul-Hidayah, prinsip ketiga dalam pendekatan ini digunakan untuk menyokong analisis yang telah dibuat. Prinsip ketiga dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah

adalah adab pergaulan dan persahabatan dengan Tuhan (Khaliq) dan juga dengan makhluk. Berdasarkan situasi ini, cara dan tindakan Basir untuk membantu Tuminah dan adiknya Dalim demi meneruskan kehidupan mereka perlulah dipuji. Bukan itu sahaja, adab yang ditunjukkan oleh Tuminah juga adalah selari dengan prinsip ketiga ini yang mana setiap kali Basir datang memberikan makanan dan bantuan, Tuminah tidak kering bibir untuk mengucapkan terima kasih dan menzahirkan rasa syukurnya. Perkara ini dapat dibuktikan dan dikukuhkan lagi dengan melihat fasal kelima, ceraian ketiga (orang yang dikenali) melalui pendekatan Bidayatul-Hidayah iaitu adab-adab dengan seluruh manusia.

Bertitik tolak daripada itu, dibuktikan bahawa sekiranya adab-adab sesama manusia diterapkan dalam kehidupan seharian, sudah tentu konflik yang berlaku dapat dikurangkan dan kadar kesusahan dalam kalangan masyarakat dapat diturunkan. Hal ini demikian kerana jika konflik yang terdapat dalam kalangan masyarakat sosial semakin berkurangan maka kehidupan bermasyarakat akan lebih harmoni, selamat dan kerjasama antara semua pihak dapat dipupuk dengan lebih mudah. Cara ini akan membuka ruang pemahaman yang lebih baik, situasi ketegangan yang selalunya berlaku sekiranya wujud konflik akan berkurang dan peluang untuk bersuara serta menyelesaikan sesuatu masalah secara damai dapat direalisasikan.

4.2.4 Menjauhkan Diri Daripada Maksiat

Maksiat merupakan satu tindakan atau perbuatan yang dianggap melanggar peraturan dalam kehidupan beragama. Maksiat merupakan satu kesalahan yang secara terang-terangan bertentangan dengan ajaran agama atau moral. Maksiat merujuk kepada perbuatan dosa atau satu kesalahan moral. Istilah maksiat ini sering digunakan dalam konteks agama terutamanya agama Islam yang memberikan gambaran bahawa tindakan ini dianggap sebagai satu perbuatan yang tidak layak atau tidak baik kerana telah melanggar norma-norma keagamaan. Menurut Kholid Saifulloh (2019) maksiat merupakan tindakan yang melanggar perintah Allah SWT seperti tidak melaksanakan semua perintah-Nya dan melakukan semua larangan-Nya. Maksiat juga merupakan satu perbuatan yang dikatakan bertentangan dengan tata tertib yang telah ditetapkan oleh agama.

Bertitik tolak daripada itu, maksiat dalam konteks agama Islam pula maksiat adalah segala perbuatan atau sifat yang suka meninggalkan perkara-perkara wajib dalam agama dan suka menjerumuskan diri ke arah keburukan yang mencabar murka Allah SWT. Dalam Muzakarah Fatwa Malaysia Peringkat Kebangsaan (2015) memutuskan bahawa maksiat dari aspek bahasa adalah derhaka manakala dari segi istilah pula maksiat adalah perkara-perkara yang membawa kepada dosa besar terutama melibatkan akidah, syariat dan ajaran Islam iaitu sering melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan Rasul-Nya serta meninggalkan perkara-perkara yang wajib.

Maksiat terbahagi dalam pelbagai aspek perbuatan contoh pertama iaitu melakukan syirik dengan menduakan Allah dengan benda lain dan mendustai Nabi Muhammad SAW. Kedua, maksiat dengan orang lain seperti melakukan zina, mencuri dan membunuh. Ketiga maksiat dengan diri sendiri iaitu meminum arak, merokok dan mengambil dadah. Akhir sekali adalah maksiat kepada masyarakat sekitar iaitu melakukan pencemaran alam seperti pembakaran terbuka dan pembuangan sisa toksik ke sungai atau laut. Bagi mendapatkan kehidupan yang sejahtera, harmoni serta penuh bermakna, kesemua perbuatan maksiat perlulah dielakkan.

Berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) terdapat beberapa peristiwa yang menggambarkan tentang perbuatan maksiat yang dilakukan oleh beberapa watak. Perkara ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Semalam dia terpaksa menjumpai Basir untuk mendapatkan satu tin susu. "Boleh aku beri susu ini," kata Basir yang bermuka bujur telur penuh jerawat itu. "Tapi ... tapi kau mesti ganti dengan susu itu." Orang sudah tidak memberi kerana kemanusiaan, fikir Tuminah. Sejak dia menjadi janda enam bulan dahulu, dia banyak kenal tentang kebinatangan lelaki. Setiap yang dihulur minta diganti. Dalam masa perang-perang begitu, Tuminah tidak ada jalan lain. "Baiklah," dia teringat begitulah jawabnya. "Kau berilah susu tu. Aku beri susu ini...." Dan susu manusia dan susu binatang bertukar ganti.

(A. Samad Said, 2023: 5)

Petikan di atas memaparkan tentang situasi di mana watak Basir dan Tuminah melakukan perbuatan maksiat iaitu berzina. Berzina

tergolong dalam kategori maksiat yang kedua iaitu melakukan zina dengan orang lain. Perbuatan ini adalah salah dari sisii agama Islam khususnya kerana Allah SWT sangat membenci perbuatan tidak bermoral ini. Kenyataan ini sokong oleh ayat al-Quran dalam surah Al-Isra' ayat 32 yang membawa maksud:

Maksudnya: "Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina adalah suatu perbuatan yang keji. Dan suatu jalan yang buruk."

(Surah Al-Isra', ayat 32, 2012:285)

Berdasarkan ayat al-Quran di atas, difahami bahawa Allah SWT berfirman melalui al-Quran bahawa Dia (Allah) melarang semua hambanya untuk menjauhi perbuatan zina. Hal ini demikian kerana, perbuatan zina merupakan satu perbuatan yang keji dan merupakan pilihan dalam satu perjalanan kehidupan yang buruk. Dalam konteks agama Islam, ramai para ulama sejak zaman Nabi Muhammad SAW membahas berkaitan dengan perbuatan zina. Perbuatan zina adalah salah satu perbuatan yang mana jika seseorang individu melakukannya maka individu tersebut akan mendapatkan dosa besar. Secara jelasnya, hukum melakukan zina adalah haram. Al-Quran melalui surah di atas telah memberi penekanan tentang larangan melakukan zina kerana Islam agama suci yang sentiasa tegas mematuhi hukum serta memberi penegasan tentang pentingnya menjaga kesucian dan kehormatan diri.

Menelusi dari pendangan yang berbeza, petikan teks daripada novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) di atas, watak Basir memperlihatkan tentang hilangnya nilai kemanusiaan yang ada dalam dirinya. Hal ini jelas memaparkan terdapat unsur-unsur Basir meminta layanan seks daripada Tuminah apabila Tuminah minta setin susu manakala Basir meminta susu badannya sebagai ganti. Walaupun pada hakikatnya, Tuminah terdesak berbuat demikian demi kelangsungan hidupnya dan Dalim, adiknya, Tuminah tidak sepatutnya menerima tawaran tersebut. Hal ini kerana, perbuatan yang dilakukan oleh mereka secara terang menyuluh ke arah melakukan perbuatan maksiat.

Novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) terdapat beberapa situasi yang menggambarkan atau berkait rapat dengan prinsip kedua dalam pendekatan Bidayahtul-Hidayah iaitu cara-cara untuk menjauhi maksiat. Hal ini dapat dibuktikan melalui situasi dibawah:

“Janganlah menangis. Siapa pula yang bersih macam kain putih dalam dunia ini,” Mak Buruk cuba hendak memperbaiki suasana.

“Saya tahu.”

“Tapi … tapi kalau boleh jangan dibiarkan jantang begitu. Kalau dia dah benar-benar suka, kahwin. Aku boleh uruskan,” kata Mak Buruk, memandang ke bulan yang penuh

(A. Samad Said, 2023: 48)

Petikan menunjukkan tentang situasi perbualan di antara Tuminah dan Mak Buruk. Mak Buruk menasihati Tuminah berkaitan dengan perbuatannya dengan pemuda yang bernama Basir. Mak Buruk mengatakan bahawa perbuatan terkutuk yang dilakukan oleh mereka

telah pun menjadi perbualan hangat penduduk sekitar. Penduduk sekitar mengetahui bahawa Tuminah sanggup mengorbankan tubuh badannya dan menjadi pelayan seks kepada Basir. Pergorbanannya itu akan dibayar dengan menggunakan bekalan makanan yang dibawahkan oleh Basir demi kelangsungan hidupnya bersama Dalim.

Namun demikian, petikan teks di atas memperlihatkan tentang teguran atau nasihat yang diberikan oleh Mak Buruk kepada Tuminah. Mak Buruk mengatakan bahawa lebih baik Tuminah berkahwin sahaja dengan Basir sekiranya mereka berdua suka sama suka. Memandangkan Tuminah adalah janda dan Basir pula belum berkahwin maka eloklah mereka berdunia melangsungkan ikatan pernikahan bagi mengelakkan perbuatan tidak bermoral itu berlanjutan. Teguran dan nasihat Mak Buruk ini adalah salah satu langkah atau cara yang akan membuka ruang pemikiran Tuminah agar menjauhi perbuatan maksiat yang selama ini dilakukannya bersama Basir.

Prinsip kedua dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah iaitu cara-cara menjauhi maksiat jelas menunjukkan tentang cara-cara untuk menjauhi maksiat. Dalam fasal pertama prinsip ini, Imam Al-Ghazali menerangkan tentang cara untuk meninggalkan maksiat yang zahir (maksiat anggota). Menurut Imam Al-Ghazali melalui pendekatan ini, setiap insan yang hidup di muka bumi ini perlulah menjaga kemaluan daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang boleh mengundang murka Allah SWT. Hal ini dikukuhkan lagi dengan petikan ayat daripada al-Quran melalui surah Al-Muminun ayat 5-6 seperti berikut:

Maksudnya: "Dan mereka selalu menjaga kemaluan mereka, kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau apa-apa yang mereka miliki (daripada hamba jariah) maka mereka tidak tercela."

(Surah Al-Muminun, ayat 5-6, 2012:342)

Ayat al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa Allah SWT melarang setiap hambanya untuk mendekati perbuatan maksiat dan zina. Namun demikian, tidak semua orang mengetahui perkara-perkara atau larangan seperti ini dan ada juga segelintir yang mengetahui tapi mengabaikannya. Teguran daripada Mak Buruk sememangnya memberi kesan yang positif terhadap Tuminah agar Tuminah dapat berfikir dengan lebih mendalam terhadap perkara yang dibenarkan dan perkara yang tidak dibenarkan dalam kepercayaan umat yang beragama terutamanya Islam.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang diamalkan semangnya mampu memberikan kesan positif terhadap persekitaran dan kehidupan bermasyarakat. Melalui novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya sasterawan negara A.Samad Said ini dapat dilihat bahawa nilai-nilai kemanusiaan yang diamalkan memberikan impak atau kesan yang mendalam terhadap kehidupan masyarakat sekitar terutamanya dalam keadaan perang. Bukan itu sahaja, pengaplikasian pendekatan Bidayatul-Hidayah berjaya mengukuhkan lagi huraian dan analis yang telah dibuat.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab atau bahagian terakhir dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Berdasarkan bab ini, pengkaji akan membuat rumusan dan kesimpulan berdasarkan analisis yang telah dikeluarkan dan dihuraikan oleh pengkaji. Selain membuat rumusan, pengkaji juga akan mengemukakan cadangan yang berkualiti sebagai rujukan dan landasan kepada para pengkaji pada masa hadapan untuk mengisi kelomongan dalam kajian-kajian lepas dan sebagai rujukan ilmiah kepada pengkaji yang akan melaksanakan kajian berkaitan nilai kemanusiaan pada masa akan datang.

5.1 Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan bagi melihat bentuk-bentuk nilai kemanusiaan yang terdapat di dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A. Samad Said. Pengkaji memilih novel ini kerana terdapat banyak nilai-nilai moral yang dapat dijadikan sebagai nilai tambah bagi membentuk sebuah masyarakat dan individu yang mempunyai jati diri yang kuat serta pemikiran bersih. Pemilihan novel ini pula bertitik tolak daripada hasil penelitian dan pandangan pengkaji terhadap ketelusan dan nilai kepengarangan yang ditonjolkan oleh A. Samad Said. Tidak dinafikan bahawa kehebatan pemikiran A. Samad Said dalam menghasilkan sesbuah karya adalah satu pencapaian yang cukup besar dalam bidang penulisan kreatif. Terdapat banyak hasil karya daripada sasterawan negara ini yang dapat dijadikan sebagai bahan utama

penyelidikan seperti *Salina*, *Hujan Pagi*, *Sungai Mengalir Lesu* dan banyak lagi. Pemilihan novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) dalam konteks kajian ini bertitik tolak daripada kelompongan kajian yang mana masih kurang penyelidik atau pengkaji sebelumnya yang membuat kajian tentang nilai-nilai kemanusiaan.

Pendekatan Bidayatul-Hidayah merupakan salah satu pendekatan yang sesuai untuk mengupas kesan nilai-nilai kemanusiaan yang diamalkan oleh masyarakat berdasarkan novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023). Perkataan Bidayatul-Hidayah yang membawa maksud “menuju kejayaan” membawa pengertian yang jelas serta menjadi bukti yang kukuh berkaitan dengan kepentingan pendekatan ini diwujudkan dan kerelevanannya. Pendekatan ini digunakan dalam bidang kesusasteraan kini. Pendekatan ini memberikan penekanan terhadap cara-cara atau langkah untuk masyarakat atau individu mencapai sesuatu kejayaan bukan sahaja kejayaan di dunia malahan di akhirat. Nilai-nilai baik dan kelakuan yang baik merupakan salah satu aspek yang paling dituntut dalam pendekatan ini. Hal ini demikian kerana sebagai manusia yang hidup di muka bumi ini, setiap individu perlu sedar terhadap tanggungjawab terhadap diri sendiri, Tuhan dan makhluk lain.

Setiap tindakan yang diambil perlulah dipertimbangkan sama ada tindakan tersebut mampu mendatangkan kebaikan atau sebaliknya. Pendekatan ini juga menyenaraikan beberapa adab-adab dalam kehidupan yang sepatutnya diikuti oleh semua anggota masyarakat terutamanya masyarakat yang beragama Islam. Ketiga-tiga prinsip dalam pendekatan Bidayatul-Hidayah iaitu pertama taat kepada perintah Allah SWT, kedua menjauhi larangan Allah SWT dan prinsip ketiga pula adalah menjaga hubungan dengan Khaliq (Tuhan), sahabat dan makhluk lain. Jelaslah bahawa

sekiranya kesemua prinsip ini dijadikan sebagai panduan kehidupan oleh semua golongan masyarakat maka kehidupan yang sejahtera dan harmoni dapat direalisasikan.

Seterusnya, berdasarkan perkara tersebut dapat dilihat bahawa teks atau karya sastera yang dihasilkan oleh sasterawan negara A.Samad Said banyak memaparkan tentang norma-norma sebenar kehidupan masyarakat di tanah Melayu. Norma kehidupan masyarakat seperti cara hidup, budaya, keagamaan, toleransi dan kepayahan hidup banyak dipaparkan dalam karya beliau terutamanya novel. Dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) banyak memaparkan tentang masyarakat yang hidup melarat disebabkan kesusahan hidup tetapi mereka tetap mengekalkan nilai-nilai baik seperti adil, bekerjasama, tolong-menolong, bertolak ansur, prihatin antara satu sama lain dan banyak lagi. Oleh hal yang demikian, teks-teks novel seperti inilah yang perlu diangkat menjadi karya-karya penting sebagai bahan bacaan kepada masyarakat khususnya di negara Malaysia. Jalan penceritaan yang masih relevan yang sama dengan peredaran masa perlulah dikekalkan dalam sesebuah karya yang berkualiti. Perkara ini juga sekaligus menjadi salah satu asbab yang penting demi melahirkan lebih banyak pengkaji atau penyelidik yang bijaksana yang mampu berfikir secara kritis dalam menghasilkan sesebuah kajian. Nilai-nilai baik dan norma sebenar kehidupan masyarakat yang dibawa masuk ke dalam karya diyakini mampu menjadi pemangkin yang positif dalam diri setiap individu untuk menuju ke arah yang lebih baik sekaligus mendidik masyarakat untuk lebih peka terhadap masalah-masalah yang berlaku dalam kehidupan seharian.

Selain itu, pengkaji juga berpendapat bahawa isu utama yang cuba disampaikan oleh penulis dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) ini adalah berkaitan dengan kehidupan masyarakat pada zaman perang dunia kedua. Pada zaman tersebut, masyarakat yang hidup di tanah Melayu berjuang sehabis baik untuk meneruskan kehidupan mereka dengan pelbagai usaha yang dilakukan. Walaupun masyarakat pada ketika itu memperlihatkan banyak keruntuhan akhlak dan melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral tetapi tindakan yang dilakukan mempunyai sebab dan alasannya tersendiri. Memandang dari konteks yang berbeza, novel ini juga berjaya menyelitkan nilai-nilai kemanusiaan yang sepatutnya wujud dalam diri setiap manusia. Nilai-nilai kemanusiaan seperti baik hati, adil, kasih sayang dan banyak lagi jelas memaparkan tentang keindahan dalam kehidupan bermasyarakat demi melahirkan generasi-generasi yang kuat dari pelbagai aspek terutamanya mental dan fizikal. Bentuk-bentuk nilai kemanusiaan ini juga mempunyai nilai keindahan dan menjadi penyeri yang dizahirkan melalui penulisan. Buah fikiran dan idea bernas A. Samad Said dalam menghasilkan karya-karya bermutu seperti ini sepatutnya mendapat lebih banyak perhatian daripada masyarakat dan pihak-pihak penting dalam penulisan negara seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Akhir sekali, pengkaji berharap dengan terhasilnya kajian ini, pengkaji atau penyelidik akan datang dapat mengambil inspirasi dan memperbanyak lagi kajian-kajian seperti ini. Hal ini demikian kerana, nilai-nilai kemanusiaan merupakan nilai-nilai baik yang sepatutnya ada dalam diri setiap manusia baik golongan muda maupun tua. Nilai positif ini mampu menjadi nilai tambah dalam usaha untuk mendapatkan kehidupan yang bahagia serta berharga.

Banyak karya-karya sastera berkualiti yang berjaya dihasilkan oleh para sasterawan negara yang boleh dijadikan sebagai bahan penyelidikan kepada para pengkaji akan datang dalam usaha untuk mengangkat bidang kesusasteraan. Sebagai seorang yang menginginkan kehidupan yang sejahtera, karya-karya bermutu seperti ini perlulah dihasilkan dengan lebih banyak sebagai panduan dan tauladan kepada masyarakat. Namun demikian, pada masa kini banyak karya-karya yang dihasilkan oleh pengkarya baharu yang menerapkan tentang nilai kekeluargaan dan percintaan semata-mata dan karya yang mengangkat budaya dan kehidupan masyarakat yang sebenar semakin hari semakin dilupakan. Oleh hal yang demikian, pihak yang bertanggungjawab dalam bidang penulisan kreatif di Malaysia perlulah peka dan membuat tapisan sebelum menerbitkan karya-karya sebagai bahan bacaan khalayak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Cadangan Kajian

5.2.1 Mendedahkan Nilai-Nilai Kemanusiaan Sebagai Medium Pendidikan

Nilai kemanusiaan merupakan nilai yang amat penting dalam memberikan kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat terutamanya kanak-kanak dalam membentuk perilaku dan karakter yang positif dalam diri mereka. Pendidikan adalah satu wadah yang cukup penting dalam melahirkan lebih banyak masyarakat yang terdidik. Bukan itu sahaja, pendidikan juga memainkan peranan penting dalam memperkuuh nilai-nilai kemanusiaan dalam masyarakat. Melalui pendidikan formal seperti ini, setiap individu diberi peluang untuk memahami nilai-nilai kemanusiaan seperti rasa empati, toleransi, kerjasama, keadilan dan banyak lagi nilai-nilai positif lainnya yang sangat diperlukan untuk membentuk jati diri yang baik.

Pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlulah memperluaskan dan memasukkan elemen-elemen nilai kemanusiaan sebagai bahan pembelajaran utama dalam silibus pembelajaran dan juga kurikulum. Melalui kokurikulum yang disusun dengan baik seperti mengadakan aktiviti luar bilik darjah yang bertujuan untuk memupuk sikap-sikap positif, setiap pelajar dapat memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian mereka. Seterusnya, penyertaan dalam projek atau aktiviti sosial dan aktiviti-aktiviti sukarelawan juga akan membantu para pelajar melihat nilai-nilai kemanusiaan dalam konteks yang lebih praktikal dan

menyentuh. Sebagai contoh, pelajar sekolah bermula umur tujuh tahun perlulah didedahkan dengan aktiviti-aktiviti sosial seperti gotong-royong, kerja amal ke rumah anak yatim, membersihkan masjid dan aktiviti sosial lainnya. Bukan hanya pihak sekolah sahaja yang bertanggungjawab menjalankan inisiatif ini tetapi ibu bapa juga mempunyai peranan penting dalam merealisasikan perkara ini melalui pendidikan tidak formal iaitu di rumah atau tempat kediaman memandangkan mereka merupakan individu yang paling hampir dengan mereka.

5.2.2 Penulis Perlu Memanfaatkan Elemen Sastera Untuk Menyampaikan Nilai Kemanusiaan.

Penulis atau pengkarya merupakan individu yang membuat dan menghasilkan sesebuah karya yang berkualiti. Kualiti dalam sesebuah karya akan menentukan sama ada karya tersebut memberikan manfaat atau tidak kepada masyarakat yang membacanya. Fungsi sastera yang bertindak sebagai platform penyampaian ilmu dan pengajaran kepada masyarakat perlulah dikekalkan. Oleh hal yang demikian, setiap penulis perlulah memanfaatkan elemen-elemen sastera seperti plot, watak, bahasa dan sebagainya untuk menyampaikan nilai-nilai kemanusiaan secara berkesan kepada pembaca. Misalnya, melalui susunan plot yang kompleks, penulis dapat menggambarkan tentang konflik-konflik moral yang melibatkan pilihan-pilihan sulit yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan. Seterusnya, watak-watak yang baik juga perlulah dibina

agar menjadi perwakilan kepada nilai-nilai seperti kejujuran, keberanian, simpati, belas kasihan dan banyak lagi positif nilai lainnya.

Selain itu, bahasa juga memainkan peranan yang cukup besar dalam penulisan sesebuah karya dan juga akan memberikan pengaruh kepada penilaian dan pola fikir pembaca sama ada baik atau sebaliknya. Penggunaan bahasa yang kaya dengan metafora dalam penulisan juga dapat membantu untuk menghidupkan nilai-nilai kemanusiaan secara menyeluruh dan dapat menyentuh hati para membaca dan masyarakat dengan lebih mendalam. Oleh itu, setiap penulis perlulah peka dan memperlihatkan keterampilan serta kebijaksanaan mereka dalam menghasilkan sesebuah karya terutamanya karya-karya besar yang akan mempengaruhi pembaca sekaligus mengubah pola fikir mereka.

5.2.3 Menerapkan dan Memperbanyak Kajian dalam Aspek Nilai Kemanusiaan

Kajian-kajian yang dijalankan oleh para sarjana sememangnya memainkan peranan yang cukup penting kepada masyarakat dan generasi akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian-kajian yang dijalankan akan menjadi bahan rujukan ilmiah yang penting kepada para pengkaji akan datang. Bukan itu sahaja, setiap kajian yang dijalankan akan memberikan pengaruh yang besar kepada masyarakat sekaligus akan mengubah perspektif dan pola fikir mereka. Kajian-kajian yang memberi kepentingan kepada masyarakat contohnya kajian yang mampu mengubah sikap dan tabiat masyarakat perlulah

diperluaskan. Penerapan dan usaha untuk memperbanyak kajian dalam aspek nilai kemanusiaan ini juga penting bagi memahami, mengukur dan meningkatkan penghayatan nilai-nilai tersebut dalam masyarakat.

Perkara ini dapat diapresiasikan dengan melakukan kajian-kajian akademik iaitu menyelidik dan menganalisis data-data tentang sikap dan tingkah laku manusia yang berkaitan dengan nilai-nilai kemanusiaan. Contohnya, kajian sosiologi dan psikologi sosial boleh memberi wawasan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kepedulian sosial dan empati. Berdasarkan konteks ini juga, kaedah kualitatif dapat diterapkan seperti temu bual dan pemerhatian untuk mendalami pengalaman dan pandangan individu tentang nilai-nilai kemanusiaan. Perkara ini akan membantu masyarakat untuk memahami perbezaan budaya dan konteks yang akan mempengaruhi persepsi terhadap nilai-nilai tersebut. Melalui usaha-usaha ini, kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang nilai-nilai kemanusiaan serta rancangan program-program pendidikan dan intervensi sosial yang berkesan dalam memperkasakan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian.

5.2.4 Memasukkan Konflik dan Penyelesaian Konflik dalam Setiap Karya

Karya-karya yang dihasilkan oleh para penulis dan pengkarya perlulah membawa masuk konflik-konflik yang berkaitan dengan isu semasa. Konflik yang diwujudkan dalam sesbuah karya mampu

membuka mata orang ramai untuk terus berfikir secara kritis dan logik. Setiap karya yang dihasilkan perlulah menyentuh aspek emosional. Konflik dalam sesebuah cerita seringkali melibatkan pertentangan watak-watak yang boleh menghasilkan atau mewujudkan perasaan empati, belas kasihan dan kebencian. Pembaca dapat merasakan secara langsung pengalaman emosi yang kompleks yang dirasai oleh watak-watak. Hal ini dapat memperkuuh pemahaman pembaca dan masyarakat tentang situasi atau keadaan tentang nilai kemanusiaan dalam konteks yang berbeza. Konflik dalam sesebuah karya juga dapat dijadikan sebagai pengajar yang mengajar melalui pengalaman. Konflik membolehkan penulis menyampaikan mesaj atau nilai-nilai kemanusiaan melalui pengalaman-pengalaman yang dramatik. Penyelesaian konflik seringkali memberikan pembelajaran tentang sikap prihatin, mengambil berat, sifat memaafkan, pengorbanan dan nilai-nilai kemanusiaan lainnya.

Seterusnya, dengan memasukkan konflik yang menarik dalam setiap karya juga dapat menjadi titik tolak untuk pertumbuhan dan perubahan watak-watak. Melalui pengalaman konflik, watak-watak mungkin mengalami perkembangan emosional dan moral yang membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang nilai-nilai kemanusiaan. Bukan itu sahaja, konflik dalam karya juga dapat merangkul pembaca dengan membuat mereka merasa terlibat secara emosional dalam perjalanan watak-watak. Perkara ini akan memberi peluang kepada pembaca untuk merenungkan nilai-nilai kemanusiaan yang boleh diterapkan dalam kehidupan mereka dan dapat digunakan

sebagai usaha untuk menjadi insan yang lebih baik sekaligus menjadi contoh kepada orang lain. Oleh itu, dengan memasukkan konflik dalam setiap karya sastera, penulis dapat mencipta naratif yang dapat memperkuuh kesedaran dan memberi penghayatan terhadap nilai-nilai kemanusiaan serta mampu menginspirasikan pembaca agar mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka.

5.2.5 Mengembangkan Watak Atau Karakter dalam Setiap Karya Dengan Menyelitkan Nilai Kemanusiaan.

Watak dan perwatakan dalam sesebuah karya adalah perkara penting dalam penghasilan sesebuah karya. Perkembangan watak merupakan elemen utama dalam membuat penilaian terhadap kualiti dan kebijaksanaan penulis. Mengembangkan watak atau karakter dalam setiap karya sastera dengan menyelitkan nilai kemanusiaan memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dan tema kepada pembaca. Perkara ini akan memberikan dimensi yang lebih mendalam. Hal ini kerana dengan memperlihatkan watak-watak yang mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan pembaca dapat merasai hubungan dengan watak tersebut dan melahirkan rasa empati terhadap perjuangan dan pengalaman mereka. Dalam konteks ini juga, mesej secara tersirat dapat disampaikan dengan baik. Melalui tindakan dan perkataan watak-watak yang memperlihatkan nilai-nilai kemanusiaan, penulis dapat menyampaikan mesej tentang pentingnya nilai-nilai tersebut dalam kehidupan.

Seterusnya, perkembangan watak dan karakter ini mampu menyentuh hati para pembaca. Hal ini demikian kerana watak-watak yang memperlihatkan sifat-sifat kemanusiaan yang kuat dapat menyentuh pembaca secara mendalam. Pembaca mungkin akan merasa terinspirasi dengan kebaikan dan keberanian watak tersebut serta memikirkan cara untuk mencontohi dan mengamalkan sikap watak tersebut dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, dengan mengembangkan watak atau karakter dalam setiap karya sastera dan menyelitkan nilai-nilai kemanusiaan, penulis dapat mencipta dan menghasilkan sebuah cerita yang kuat dan bermakna. Berdasarkan konteks ini, bukan hanya dapat menghibur pembaca tetapi juga mampu untuk merangsang pemikiran mereka dalam mengamati nilai-nilai kemanusian ini dengan cara yang lebih mendalam.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, keseluruhan kajian ini menerangkan tentang nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel *Sungai Mengalir Lesu* (2023) karya A. Samad Said. Semua hujahan dan analisis yang telah dibuat dikukuhkan atau disokong menggunakan pendekatan Bidayatul-Hidayah. Pendekatan ini merupakan salah satu pendekatan yang sesuai kerana memaparkan tentang kehidupan sebenar masyarakat. Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat banyak nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel tersebut yang memberikan pengaruh kepada perkembangan watak dan juga memberi pengaruh secara emosional kepada para pembaca. Kajian-kajian berkaitan dengan nilai kemanusiaan perlulah diperbanyak demi melahirkan masyarakat yang berketerampilan dan mengekalkan karya-karya yang lebih relevan sejajar dengan peredaran dunia masa kini. Oleh itu, perlu diingat bahawa nilai-nilai positif seperti ini perlu didedahkan kepada masyarakat melalui pelbagai medium dan platform untuk memastikan jati diri dan akhlak setiap individu dapat dibentuk dengan baik.

Seterusnya, keseluruhan bab 5 ini pula menerangkan tentang rumusan dan cadangan berkaitan dengan keseluruhan kajian yang telah dibuat. Diharapkan agar kesemua cadangan-cadangan yang dikemukakan dapat dilaksanakan oleh para pengkaji dan generasi akan datang. Diyakini bahawa, kajian ini amat berguna kepada generasi akan datang. Oleh hal yang demikian, penambahbaikan dari aspek kualiti dan data perlulah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji yang berminat untuk mengkaji aspek nilai kemanusiaan dan mempunyai niat yang kuat untuk mengubah perspektif dan pemikiran masyarakat ke arah yang lebih positif.

RUJUKAN

- Abdullah, S., Sawai, R. P., Baharudin, D. F., & Ismail, N. (2009, 21-22 Julai). Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan. Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST2009), Bangi, Malaysia.
- Abu Ahmadi (2009). *Psikologi sosial*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Ahmad, Z., Wahid, A. A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1987). *Ihya' Ulum al-Din*. Jil. 3. Terj. Ismail Yakub SH. Victory Ajensi.
- Ali, A. H., & Abdullah, I. R. (2018). Perwatakan wanita Melayu Muslim Dalam novel 'Diari Seorang Jururawat'karya Aminah Mokhtar [*The Characteristics Of A Malay Muslim Woman In The Novel 'Diari Seorang Jururawat'by Aminah Mokhtar*]. *Journal Of Nusantara Studies (Jonus)*, 3(2), 147-161.
- Apandi, S. N. A. B. M., Mohd, T. I. M. B. T., Hussien, E. B. M., & Balwi, M. T. A. B. M. (2020). Pertentangan Nilai Akhlak Islam Islam Dalam Novel Tivi Menurut Al-Ghazali. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 185-209.
- Aristoteles (2006). *Nichomachus Ethica*. Al-Huda. terj. Parsi 4, Pur Husaini, hal. 1 dikutip dalam M. Taqi Mishbah Yazdi.
- Arsani, N. P. M., Karmini, N. N., & Sudiarthi, D. N. A. (2020). Analisis Unsur Intrinsik Dan Nilai Kemanusiaan Nove Teman Tapi Menikah Melalui Pendekatan Strukturalisme. *Jurnal Mahasiswa Pendidikan*, 2(1), 378-382.
- Binti Siraj, S., Bin Masnan, A. H., Bin Ariffin, A., Binti Dzainudin, M., Norman, N. A., & Hussin, Z. (2021). Aplikasi Interpretive Structural Modeling Untuk Pembinaan Model Elemen Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(3), 18-27.
- Buhari, N., Hassan, N. A., & Abd Aziz, N. N. (2020). Unsur Disfemisme: Ragam Bahasa Dalam Novel 'Kasyaf Ain'. *Jurnal Sains Insani*, 5(1), 157-166.
- Damayanti, E., Nur, F., & Hasan, R. (2021). Efektivitas Pelatihan Pengenalan Diri menggunakan Kartu Points of You pada Remaja. *JMM (Jurnal Masyarakat Mandiri)*, 5(6), 3338-3353.
- Darojat, A. A. (2018). *Pembelajaran Nilai Pendidikan Dalam Kitab Bidayatul Hidayah Karya Imam Al-Ghazali Kepada Santri: Studi Multi Situs Pondok Pesantren Anwarul Huda Malang Dan Pondok Pesantren Sabillurrasyad Malang* [Doctoral Dissertation, Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim].

- Fahham, A. M. (2020). *Pendidikan Pesantren: Pola Pengasuhan, Pembentukan Karakter, Dan Perlindungan Anak*. Publica Institute.
- Goleman Daniel (1997). Emotional Intelligence. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hakim, N. (2018). Kecerdasan Intelektual, Emosional, Dan Spiritual Dalam Perspektif Bidayatul Hidayah. *Indonesian Journal Of Islamic Education Studies (Ijies)*, 1(2), 218-233.
- Haris, A. Hermawan (2009). *Filsafat Pendidikan Islam*. Direktorat Jendral Pendidikan Islam Depertemen Agama.
- Hasanudin, C. (2018). Kajian Sintaksis Pada Novel Sang Pencuri Warna Karya Yersita. *Jurnal Pendidikan Edutama*, 5(2), 19-30.
- Harun, C. S. C., & Hassan, W. Z. W. (2021). Nilai Kemanusiaan Dan Cabaran Pengekalan Hubungan Etnik Menurut Perspektif Islam Dalam Revolusi Industri 4.0 (Ir4. 0).
- Herawati, T. (2017). Pengaruh Prosedur Kerja dan Manajemen Diri terhadap Keselamatan Kerja Pada Karyawan PT. Alam Jaya Pratama di Kecamatan Loa Janan Kabupaten Kukar. *Psikoborneo*, 4(3), 449–461.
- Hidayanti, N., & Azizah, L. (2020). Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Sawitri Karya Masdhar Zainal. *Jurnal Kreativitas Mahasiswa*, 2(1), 69-75.
- Hidayah, N. (2020). Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Kitab Bidayatul Hidayah Karya Imam Al-Ghazali. [Skripsi Sarjana: Universiti Islam Negeri Sayyid Ali Rahmatullah].
- Hussain, E. M., Ali, T. I. M. T. M., & Ahmad, Z. (2021). Analisis Nilai Murni Dalam Manusrip ‘Hikayat Saerah Dengan Suami’. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(2): 15 - 23
- Indrianti, S. (2020). *Pengaruh Pemahaman Materi Al-Qur'an dan Hadits sebagai Pedoman Hidup terhadap Sikap Taat Siswa dalam Menjalankan Perintah Agama di SMA Negeri 6 Pekanbaru* (Doctoral dissertation, UNIVERSITAS ISLAM NEGERI SULTAN SYARIF KASIM RIAU).
- Ismail Hussien. (1974). Sastera Dan Masyarakat. Pustaka Zakry Abadi.
- Joubish, Muhammad Farooq, Muhammad Asyraf Khurram (2011) Outlook On Some Concept In The Curriculum Of Social Studies, *World Applied Science Journal*.
- Joyomartono, M. dkk. (1990). *Jiwa, semangat, dan nilai-nilai perjuangan bangsa Indonesia*. IKIP Semarang Press
- Kholid Saifulloh (2019). Studi Kritis Hukum Wasilah Maksiat. *Al-Majaalis Jurnal Dirasat Islamiyah*. Volume 7 No.1. 43-71
- Kroeber, K. (1971). *Styles In Fictional Structure*. Princeton University Press.

- Marliana, A., Sintiawati, I., & Sahmini, M. (2018). Kajian Intertekstual Novel Dilan Karya Pidi Baiq Dengan Novel Milea Karya Pidi Baiq. *Parole: Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 1(2), 267-282.
- Ma'arif, M. S., & Hafifah, H. (2020). Analisis Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel "Debu Yerussalem" Karya Quodvultdeus Bagaskoro. *Jurnal Tarbiyatuna: Jurnal Kajian Pendidikan, Pemikiran Dan Pengembangan Pendidikan Islam*, 1(01), 10-20.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2015). *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. [Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia].
- Mohd Hanafiah, M. N. A.-H., & Che Yaacob, M. F. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah. *Journal Of Malay Language, Education And Literature*, 12(1), 11-25.
- Mohd Kamal Hassan (2012). Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam. Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia, 1-7.
- Muhammad Anis, Quantum al-Fatihah (2010) .Membangun Konsep Pendidikan Berasis Surah al-Fatihah. Yogyakarta Pedagogia .
- Muhamad Cairul (2014). *Ilmu Sosio Budaya Dasar*. Universiti Iqra Buru Fam Publishing.
- Muhibbin Syah (2012). *Psikologi Belajar*. PT Raja Grafindo Persada.
- Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (21 September 1995). Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39.
- Nafiudin, M. (2021). *Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Dalam Kitab Bidayatul Hidayah Karya Imam Al-Ghozali* [Doctoral Dissertation, Iain Kudus].
- Othman, Mastura (2022) *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. [Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan]
- Permana, A. (2019). *Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali Dalam Kitab Bidayatul Hidayah* [Bachelor's Thesis, Jakarta: Fitk Uin Syarif Hidayatullah Jakarta].
- Purnamasari, I., & Wardarita, R. (2021). Kajian Ginokritik Dalam Novel Athirah Karya Albertiene Endah. *Jurnal Bindo Sastra*, 4(2), 134-141.
- Regilita, R. D. (2022). *Nilai-Nilai Akhlak Perspektif Imam Al-Ghazali Dalam Kitab Bidayatul Hidayah* [Doctoral Dissertation, Uin Raden Intan Lampung].
- Rozali, R., & Irp, M. I. A. (2018). Fenomena Perilaku Psikopat Dalam Novel Katarsis Karya Anastasia Aemilia: Kajian Psikologi Sastra. *Jurnal Sastra Indonesia*, 7(3), 173-178.

- Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharuddin & Noranis Ismail (21-22 Julai, 2009). Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media Dalam Pendidikan. Seminar Kebangsaan Media Dan Pemikiran Islam. Hotel Equatorial, Bangi.
- Rosina, R. (2021). *Pengaruh Gaya Kepemimpinan, Budaya Organisasi Dan Motivasi Terhadap Kinerja Pegawai Pada Dinas Pertanian Kabupaten Mamasa* [Doctoral Dissertation, Stie Nobel Indonesia].
- Rajak, B. A., & Hamzah, N. (2021). Adab Kepada Alam Semesta Dalam Novel Nggusu Waru Yang Tersisa Karya N. Marewo Berdasarkan Nilai Adab Menurut Al Ghazali. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2), 1-10.
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis Semantik Leksikal Dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal* (Apj), 3(1), 45-63.
- Sari, D. P. (2018). Memaknai Nilai-Nilai Kemanusiaan Tokoh Utama Dalam Novel "Hijrah Bang Tato" Karya Fahd Pahdepie. *Wanastra: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 10(1), 93-100.
- Sidik, Firman. Pendidikan Humanis Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran. *Tadbir: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam* 4.1 (2016): 88-95.
- Siran, F. H., Zahrin, S. N. A., Yunos, N., Jodi, K. H. M., Ali, N., & Hassan, F. N. A. (2017). Penerapan Indikator Cinta Kemanusiaan Melalui Kursus Pengajian Ketamadunan. *Sains Insani*, 2(2), 117-126.
- Suseno, A. (2019). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Terhadap Kepribadian Pendidik Dalam Novel Merasa Pintar Bodoh Saja Tak Punya: Kisah Sufi Dari Madura Karya Rusdi Mathari Dan Urgensinya Bagi Kepribadian Pendidik*. [Skripsi Sarjana Pendidikan: Universiti Islam Indonesia].
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. 2020. Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Journal Of Malay Language, Education And Literature*. 11(2), 126-140.
- Umami, S. (2018). Pembelajaran Apresiasi Sastra Dan Nilai-Nilai Kemanusiaan. *El Banar: Jurnal Pendidikan Dan Pengajaran*, 1(1), 69-80.
- Utami, F. T. (2015). Penyesuaian Diri Remaja Putri yang Menikah Muda. *Psikis: Jurnal Psikologi Islami*, 1(1), 11–21.
- Waryanto, M. (2018). *Pengaruh Pemikiran Imam Al-Ghazali Terhadap Pemikiran Umar Ibnu Ahmad Baraja Tentang Materi Pendidikan Akhlak Anak* [Doctoral Dissertation, Uin Raden Intan Lampung].
- Yusuf, M., Darihastining, S., & Ahya, A. S. (12 November, 2022). Simbolisme Budaya Jawa Dalam Novel Darmagandhul (Kajian Etnosemiotik). In Prosiding Seminar Nasional Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, Dan Budaya (Vol. 1, No. 2, Pp. 54-69).

- Zain, R. M., & Affendi, N. R. N. M. (2018). Karisma Wanita Dalam Novel Nenek Karya Razali Endun: Women's Karisma In Grandma Karya Razali Endun. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (Jsass)*, 5(1), 44-54.
- Zahro, F. (2019). *Pengaruh Pengajian Kitab Bidayat Hidayah Terhadap Perilaku Sosial Santri Putri Pondok Pesantren At-Thayyibiyah Dusun Kampek, Desa Alas Kembang, Burneh Madura*. [Skripsi. Uin Sunan Ampel Surabaya]

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN